

PERUBAHAN SOSIAL KE ATAS PENDUDUK SEKITAR  
PEKAN KERTEH, TERENGGANU AKIBAT INDUSTRI PETROLEUM

SARIMAH MOHAMMED NOR  
NO. MATRIK: 048307

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA  
SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1987/88

Alina E.M.T. Amal

Dr. Sarimah Mohammed Nor  
No. Matrik: 048307  
Sarimah Mohammed Nor, Sarimah Mohammed Nor

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala limpah rahmatnya akhirnya saya berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Fatimah Daud yang banyak menghabiskan masa dan bertungkus lumus memberi tunjukajar dan teguran yang membina semasa menjalankan kajian dan menulis laporan mengenai kajian ini.

Keduanya saya mengucapkan terima kasih kepada ibubapa angkat saya, Tuan Haji Salleh Hj. Amin dan isterinya Hajjah Zaimah bte. Besar dan seluruh isi keluarganya yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga kepada seluruh penduduk Kampung Pekan Kerteh yang telah memberi kerjasama dan memberi maklumat yang saya perlukan untuk projek kajian ini. Terima kasih untuk Penghulu Mukim Kerteh, Wan Dahalan bin Wan Muda yang telah menguruskan soal tempat tinggal sewaktu saya menjalankan kajian dan memberi maklumat tentang struktur pentadbiran kampung.

Terima kasih juga kepada pegawai Petronas yang telah memberikan artikel-artikel yang berguna untuk melengkapkan data mengenai latarbelakang Petronas dan kegiatannya di Terengganu. Buat Ani dan keluarganya, jasamu tidak dapat dilupakan.

Semoga budi baik tuan-tuan dan puan-puan diberkati Allah S.W.T. Amin!

IKHLAS:  
SARIMAH MOHAMMED NOR  
NO. MATRIK: 048307  
TANJUNG KARANG, SELANGOR DARUL EHSAN

## SINOPSIS

Dalam latihan ilmiah ini tumpuan kajian penulis ialah terhadap perubahan-perubahan sosial yang berlaku ke atas penduduk sekitar Pekan Kerteh, Terengganu akibat dari pembinaan pusat-pusat perindustrian berasaskan petroleum di sini.

Dalam Bab I penulis menghuraikan secara ringkas latar-belakang kajian ilmiah iaitu meliputi aspek-aspek tujuan kajian, bidang dan kepentingan kajian dijalankan. Dihuraikan juga metodologi yang digunakan sewaktu menjalankan kajian serta masalah-masalah yang timbul semasa menjalankan kajian.

Bab II pula mengandungi penjelasan mengenai teori-teori dan konsep-konsep yang akan digunakan di dalam perbincangan kajian ini seterusnya.

Bab III penulis cuba membincangkan mengenai latarbelakang tempat kajian dan sistem pentadbiran Kampung Pekan Kerteh. Latarbelakang ini termasuklah dari segi sejarah dan geografinya. Dalam bab ini juga membincangkan soal-soal kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan di kampung ini. Di samping itu bab ini juga dimuatkan mengenai latarbelakang Petronas dan projek-projek perindustrian berasaskan petroleumnya yang didirikan di kawasan Kerteh. Akhirnya penulis membincangkan tentang proses perpindahan yang berlaku di kawasan kajian dan aspek pengagihan tanah kerajaan kepada penduduk kampung.



Bab IV pula penulis menumpukan kepada aspek latarbelakang responden dan struktur sosial masyarakat. Struktur sosial meliputi institusi-institusi sosial seperti famili dan kekeluargaan. Di samping itu bab ini juga membincangkan tentang penglibatan responden dalam persatuan serta aspek pendidikan formal yang diterima oleh responden dan anak-anaknya.

Bab V merupakan pusat tumpuan kajian. Dalam bab ini penulis melihat segala aspek yang didapati mengalami perubahan pesat akibat kepesatan proses perindustrian dan pemodenan di kawasan Kerteh ini. Penulis telah menyentuh soal perubahan yang berlaku terhadap kekeluargaan dan hubungan kemasyarakatan. Perubahan jelas berlaku ke atas sistem keluarga itu sendiri dan fungsi keluarga dari segi ekonomi juga telah berubah.

Akibat kepesatan proses perindustrian menyebabkan berlaku perubahan dalam aspek pekerjaan iaitu tidak lagi terhad kepada kegiatan menangkap ikan dan pertanian sahaja. Perubahan pekerjaan juga menyebabkan berlaku perubahan dalam pendapatan dan seterusnya mempengaruhi pola pemilikan hartanya. Akibat kemajuan di bidang komunikasi dan media massa menyebabkan orang ramai mulai mengetahui kepentingan sistem 'banking', seterusnya merubah sikap dan nilai yang lama. Perubahan sikap ini jelas kelihatan berlaku ke atas cara-cara mendapatkan rawatan. Akhirnya penulis cuba membincangkan mengenai aspek konflik yang berlaku dalam masyarakat. Kesimpulannya konflik yang berlaku adalah bercorak 'latern' iaitu secara dalaman sahaja.



Bab VI penulis membincangkan tentang kesimpulan dan rumusan yang dapat dibuat hasil dari kajian yang dijalankan. Di sini penulis cuba membuktikan kebenaran hipotesis dan teori yang dikemukakan di awal kajian.

SIMPULAN

DAFTAR KANDUNGAN

REKAJUAL JADUAL

BAB I : PENDAHULUAN

- 1.1 Pendahuluan
- 1.2 Tujuan dan Bidang Kajian
- 1.3 Kepentingan Kajian
- 1.4 Kertas Kajian
  1. Penilaian Awal
  2. Sosiologi
  3. Participant Observation
  4. Teori
  5. Bilik Perpustakaan
- 1.5 Kertas Kajian

BAB II : TEORI DAN KONSEP

- 2.1 Teori Perubahan Sosial
- 2.2 Faktor-Faktor Perubahan Sosial
- 2.3 Teori Konflik Sosial
- 2.4 Konsep Industri
- 2.5 Proses Perindustrian
- 2.6 Fasa-Fasa Industri

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i - ii
SINOPSIS	iii - v
DAFTAR KANDUNGAN	vi - viii
SEJARAI JADUAL	ix
 BAB I : PENDAHULUAN	 1 - 13
1.1 Pendahuluan	
1.2 Tujuan dan Bidang Kajian	
1.3 Kepentingan Kajian	
1.4 Kaedah Kajian	
1. Pemilihan Sampel	
2. Soalselidik	
3. Participant Observation	
4. Temuduga	
5. Kajian Perpustakaan	
1.5 Masalah Kajian	
 BAB II : TEORI DAN KONSEP	 14 - 34
2.1 Teori Perubahan Sosial	
2.2 Faktor-Faktor Perubahan Sosial	
2.3 Teori Konflik Sosial	
2.4 Konsep Industri	
2.5 Proses Perindustrian	
2.6 Kesan-Kesan Industri	

BAB III: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

35 - 59

- 3.1 Kedudukan Geografi
- 3.2 Sejarah Kampung
- 3.3 Sistem Pentadbiran
- 3.4 Kemudahan Asas
  - (a) Infrastruktur dan Perkhidmatan Kenderaan Awam
  - (b) Elektrik
  - (c) Air
  - (d) Kesihatan
  - (e) Telefon
  - (f) Agama
  - (g) Kemudahan Sekolah
  - (h) Balairaya dan Tabika
  - (i) Pejabat Pos dan Bank
  - (j) Kedai dan Restoran
  - (k) Keselamatan dan Polis
- 3.5 Latarbelakang Petronas dan Projek Perindustriannya
  - (a) Logi Penapisan Minyak Di Kerteh
  - (b) Terminal Minyak Mentah
  - (c) Logi Memproses Gas
  - (d) Terminal Eksport
- 3.6 Proses Perpindahan



BAB IV : LATARBELAKANG RESPONDEN

60 - 75

- 4.1 Umur Responden
- 4.2 Taraf Pendidikan Responden
- 4.3 Jumlah Ahli Keluarga dan Bentuk Keluarga
- 4.4 Latarbelakang Tempat Asal Responden
- 4.5 Penglibatan Responden Di Dalam Kegiatan Berpersatuan

BAB V : PERUBAHAN SOSIAL DARI BERBAGAI ASPEK

96 - 109

- 5.1 Pendahuluan
- 5.2 Kesan Terhadap Kekeluargaan dan Hubungan Kemasyarakatan
  - (a) Sistem Kekeluargaan
  - (b) Ekonomi
  - (c) Hubungan Sosial dan Kemasyarakatan
- 5.3 Perubahan Dari Segi Ekonomi
  - (a) Pekerjaan
  - (b) Pendapatan
  - (c) Pemilikan Harta
  - (d) Simpanan
- 5.4 Perubahan Sikap dan Nilai
- 5.5 Konflik Dalam Masyarakat

BAB VI : PENUTUP

110 - 123

SENARAI JADUAL

	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1 : Kadar Bayaran Gantirugi dan Bilangan Yang Menerima Kadar Itu	57
Jadual 2 : Kategori Umur Responden	60
Jadual 3 : Taraf Pendidikan Formal Responden	61
Jadual 4 : Peringkat Persekolahan Anak-Anak Responden	63
Jadual 5 : Bentuk-Bentuk Keluarga	65
Jadual 6 : Bilangan Ahli Dalam Keluarga	67
Jadual 7 : Latarbelakang Tempat Asal Responden	69
Jadual 8 : Taraf Rumah Yang Diduduki Oleh Responden	70
Jadual 9 : Penglibatan Responden Dalam Persatuan	73
Jadual 10 : Penglibatan Responden Dalam Kegiatan Gotong-Royong Dahulu Dan Sekarang	79
Jadual 11 : Pekerjaan Responden Dahulu Dan Sekarang	84
Jadual 12 : Pendapatan Kasar Responden Dahulu dan Sekarang	88
Jadual 13 : Pandangan Tentang Kehidupan Masa Ini	93
Jadual 14 : Penggunaan Kenderaan Ke Tempat Kerja	94
Jadual 15 : Pemilikan Harta Di Kalangan Responden	95
Jadual 16 : Cara Menyimpan Wang Oleh Responden	97
Jadual 17 : Pandangan Tentang Adat Tradisi	99
Jadual 18 : Cara Mendapatkan Rawatan	102
Jadual 19 : Cita-Cita Responden Di Masa Hadapan	104

# Lokasi Loji Penapis Minyak Terengganu

## Location of Terengganu Refinery



KE KUALA TERENGGANU

PERUMAHAN BANTUAN  
SUPPORT HOUSING  
STESAN JANAKUASA PAKA  
PAKA POWER STATION

STESAN KECIL LLN 132 KV  
LLN 132 KV SUB-STATION

**LOJI PENAPIS MINYAK  
REFINERY**

LOJI MEMPROSES GAS  
GAS PROCESSING PLANT

KELENGKAPAN GAS DI DARATAN  
ONSHORE GAS FACILITIES  
(SLUG CATCHER)

TERMINAL MINYAK MENTAH  
CRUDE OIL TERMINAL

LAPANGAN TERBANG  
AIRPORT

KERTEH

BANDAR BARU KERTEH  
KERTEH NEW TOWNSHIP

KOMPLEKS PERUMAHAN DAN PEJABAT  
(RANTAU PETRONAS)  
HOUSING AND OFFICE COMPLEX  
(RANTAU PETRONAS)

KEMASIK

LAUT CHINA SELATAN  
SOUTH CHINA SEA

KIJAL

SIMPANAN GPC  
LPG STORAGE

PENGKALAN BEKALAN  
TANJONG BERHALA  
SUPPLY BASE

KAWASAN PERINDUSTRIAN  
TELOK KALONG  
TELOK KALONG  
INDUSTRIAL ESTATE

CADANGAN LALUAN SALURAN  
PAIP TIMUR-BARAT  
PROPOSED EAST-WEST  
PIPELINE ROUTE

KE KUALA TERENGGANU



### PETUNJUK LEGEND

- Laluan Saluran Paip Gas  
Gas Pipeline Route
- Jalanraya  
Road





## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pembinaan pusat perindustrian berasaskan petroleum di Kerteh dan lain-lain perusahaan sokongan merupakan perusahaan terbesar bagi negeri Terengganu hasil penemuan minyak di luar pantai Terengganu. Usaha mencari gali dimulakan sejak Rancangan Malaysia Ketiga lagi, di mana kerajaan Malaysia telah memberi anugerah konsesi kepada syarikat asing untuk mengeksplorasi minyak dan gas di luar pantai Semenanjung Malaysia. Pada 6hb. Ogos 1980, Petronas Carigali iaitu anak syarikat Petronas Sdn. Bhd. telah memulakan program mencari gali yang sebenarnya di luar pantai Terengganu dengan menenggelamkan telaga 'Appraisal' pertama di Lapangan Duyong di luar pantai. Akhirnya pada 6hb. Jun 1982, Petronas Carigali telah menemui minyaknya yang pertama di Dulang Barat di luar pantai Terengganu. Aktiviti Petronas Carigali ini merangkumi kawasan seluas 54,383 km persegi.

Penemuan minyak telah membuka satu era baru bagi masyarakat negeri Terengganu khasnya di Kerteh dan penduduk Malaysia keseluruhannya. Pembinaan pusat perindustrian petroleum di sini telah berjaya mengubah Kerteh dari sebuah perkampungan nelayan yang sunyi sepi dan diliputi oleh hutan paya dan tidak mempunyai kemudahan asas yang lengkap kepada sebuah kawasan perindustrian yang penting dan menjadi tumpuan masyarakat dari seluruh pelusuk tempat.

Perkampungan yang dahulunya terpencil telah berubah menjadi sebuah perkampungan yang moden dalam satu jangka masa yang singkat iaitu dalam masa lebih kurang 5 - 6 tahun. Kampung ini telah dilengkapi dengan segala kemudahan asas dan infrastruktur dan ini merupakan salah satu daripada nikmat yang dirasakan oleh penduduk kampung hasil penemuan minyak.

Proses perindustrian yang pesat dijalankan secara mendadak ini telah membawa berbagai-bagai bentuk perubahan kepada aspek kehidupan sosial, ekonomi, politik terhadap komuniti tradisional yang terlibat ini. Akibat keghairahan pihak-pihak tertentu untuk mengejar pembangunan iaitu dengan membina pusat-pusat perindustrian di kawasan perkampungan tradisional telah menyebabkan wujudnya berbagai-bagai masalah dan kesan-kesan yang mendalam kepada komuniti ini. Ini berlaku kerana daya asimilasi mereka tidak dapat diseimbangkan dengan kadar pembangunan yang dibawa masuk. Kerendahan daya asimilasi ini disebabkan oleh kebanyakan penduduk adalah dari kelas bawahan yang rata-rata mempunyai taraf pelajaran yang rendah. Ini menyebabkan banyak dilema yang berlaku di kalangan masyarakat akibat dari pembinaan pusat industri di sini.

Atas dasar inilah pengkaji cuba menjalankan kajian ke atas komuniti kampung pekan Kerteh yang sedang mengalami perubahan yang pesat akibat perindustrian petroleum.



## 1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan ialah untuk melihat sejauhmana kewujudan industri memberi manfaat kepada penduduk sekitar kawasan projek. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat akan perubahan-perubahan sosial yang berlaku ke atas komuniti kampung yang sedang mengalami arus perindustrian dan urbanisasi akibat penemuan minyak di Terengganu. Penekanan tumpuan kajian ialah untuk melihat sejauhmana peranan proses perindustrian dalam mengubah struktur kehidupan sosial masyarakat sekitar. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat sama ada proses perusahaan berasaskan petroleum ini membawa kesan yang negatif atau positif terhadap segala aspek kehidupan masyarakat. Untuk melihat kesan-kesan dan perubahan yang berlaku, kajian telah ditumpukan ke atas aspek-aspek yang berikut:-

1. Pendapatan dan taraf ekonomi komuniti kampung ini sebelum dan selepas proses perindustrian dan penemuan petroleum berlaku.
2. Penglibatan penduduk dalam perusahaan petroleum iaitu sama ada terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam proses perindustrian ini.
3. Kesan daripada pembinaan pusat perindustrian dan lokasi mencarigali yang dibuat secara mendadak ke atas ekonomi, sosial dan hubungan kemasyarakatan, sikap serta perlakuan penduduk kampung yang terlibat.



4. Pandangan penduduk terhadap proses perindustrian yang wujud di kawasan mereka.
5. Implikasi ke atas tempat tinggal dan juga ke atas pekerjaan asal penduduk kampung.

Kajian juga meliputi kesan-kesan yang dihasilkan oleh penemuan minyak di luar pantai Terengganu iaitu:-

1. Kemasukan perusahaan petroleum yang akhirnya telah membawa pertumbuhan yang pesat ke atas negeri Terengganu khasnya di kawasan sekitar yang menjadi pusat perindustrian.
2. Dengan timbulnya perusahaan mencarigali minyak telah menimbulkan berbagai-bagai "supporting industry" yang berkaitan dengan petroleum iaitu seperti:-
  - (a) Stesen Janakuasa Paka (LLN)
  - (b) Kilang Besiwaja HICOM/PEKWAJA
  - (c) Pengkalan Bekalan (Tanjung Berhala)
  - (d) Lapangan Terbang Kerteh
  - (e) Bandar Baru Kerteh
  - (f) Kompleks Perumahan Rantau Petronas
3. Kewujudan "supporting industry" ini pada umumnya akan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung dan pengkaji cuba melihat sejauhmana penduduk kampung ini benar-benar melibatkan diri dalam

perindustrian ini.

4. Kesan selanjutnya ialah terungkainya tanggapan-tanggapan, sikap dan nilai-nilai lama dan muncul pula sistem nilai yang berlainan, gaya hidup yang dianggap sebagai "tradisional".

Perhatian juga dibuat ke atas pola-pola migrasi dalaman yang berlaku serta kesannya ke atas struktur ekonomi dan sosio-budaya masyarakat tempatan. Untuk melihat aspek-aspek perubahan yang wujud dalam masyarakat secara berkesan, kajian haruslah ditekankan ke atas angkubah yang membawa kepada munculnya berbagai-bagai projek perindustrian. Di sini mustahak dilihat peranan yang dimainkan oleh "Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu" serta badan-badan swasta yang bertanggungjawab menjayakan projek perindustrian petroleum di Terengganu iaitu Petronas.

### 1.3 Kepentingan Kajian

Kerteh sebelum kedatangan Petronas adalah sebuah perkampungan nelayan yang terpencil dan sepi. Kawasan sekitarnya diliputi oleh paya dan kebun kelapa, tetapi akibat penemuan minyak kawasan ini telah bertukar wajah menjadi pusat perindustrian petroleum. Kemunculan sumber kekayaan baru ini telah menimbulkan perubahan yang drastik dari segi penubuhan kawasan industri di negara ini. Ini menyebabkan pengkaji merasa perlu untuk mengimplementasikan sama ada projek-projek itu mendapat sambutan dan memberi lebih banyak manfaat atau sebaliknya. Melalui kajian



ilmiah ini pengkaji berharap dapat memberi sedikit sebanyak tentang kesan-kesan serta perubahan yang wujud ke atas komuniti kampung yang terlibat. Hasil penemuan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai implikasi yang wujud ke atas kehidupan sosio-ekonomi komuniti nelayan akibat dari perlaksanaan rancangan perindustrian yang mengejut ini. Di samping itu pengkaji ingin membuktikan betapa perlunya peranan ahli sosiologi berganding bahu dengan ahli ekonomi dalam merangka dan mengimplimentasikan sesuatu projek yang melibatkan kehidupan masyarakat sekeliling.

Kajian juga dijalankan untuk melihat sama ada anak-anak tempatan benar-benar diberikan peluang untuk melibatkan diri dalam perusahaan ini supaya sama-sama mengecapi kekayaan yang dikurniakan oleh Allah atau telah berlaku penyelewengan dalam perjanjian awalnya iaitu akan mengutamakan rakyat tempatan sebelum menawarkannya kepada orang lain. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmanakah kesungguhan pihak kerajaan mahu memodenkan masyarakatnya, terutamanya dari segi pelajaran. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat adakah benar bahawa akibat dari industri petroleum berjaya mengubah struktur hidup masyarakat tradisi dan cara hidup mereka secara keseluruhannya.

#### 1.4 Kaedah Kajian

##### 1. Pemilihan Sampel

Kerteh adalah meliputi kawasan yang luas. Terdapat enam buah kampung dalam mukim Kerteh ini iaitu:-



- (a) Kampung Pekan Kerteh
- (b) Kampung Baru Kerteh
- (c) Kampung Labuhan
- (d) Kampung Pengkalan Rangoon
- (e) Kampung Cabang
- (f) Kampung Batu Putih

Tumpuan kajian ialah di Kampung Pekan Kerteh yang menjadi kawasan tumpuan pembinaan industri petroleum dan merupakan kawasan yang benar-benar menerima perubahan akibat penemuan minyak di luar pantai Terengganu. Pengkaji telah memilih 40 buah rumah secara rambang untuk dijadikan sampel kajian dan responden untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang perubahan yang telah berlaku di Kampung Pekan Kerteh ini. Kampung Pekan Kerteh ini terdiri dari 3 buah kampung kecil dan di bawah perintah seorang Ketua Kampung. Kampung itu terdiri dari:-

- (a) Kampung Telaga Papan
- (b) Kampung Tengah
- (c) Kampung Gelugur

Sampel yang diambil ialah 15 buah keluarga dari Kampung Telaga Papan, 15 buah keluarga dari Kampung Tengah dan 10 buah keluarga dari Kampung Gelugur. Sampel kajian lebih banyak diambil dari Kampung Telaga Papan kerana berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Ketua rumah telah diambil sebagai responden kerana kajian ini melibatkan aspek-aspek perubahan sosial selepas kemasukan industri petroleum. Mereka ini diharapkan dapat menilai dan

merumuskan apa yang diperlukan oleh pihak pengkaji, iaitu untuk mengetahui perubahan dari dahulu hingga sekarang. Responden yang dipilih adalah mewakili berbagai-bagai jenis pekerjaan dan berbeza-beza taraf ekonomi dan pelajarannya. Diharapkan perbezaan ini dapat membantu pengkaji melihat aspek perubahan dengan lebih tepat dengan menilaikan mengikut pendapat mereka.

## 2. Soalselidik

Soalselidik yang dikemukakan kepada responden meliputi berbagai-bagai aspek termasuklah aspek sejarah kehidupan responden serta anggota keluarganya - pekerjaan responden sebelum dan selepas berlakunya industri. Kegiatan sosial, pergaulan, konflik yang wujud dalam masyarakat juga aspek-aspek perubahan tempat tinggal iaitu aspek perpindahan. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah dalam bentuk 'close and open-ended'. Soalan-soalan 'open-ended' dipentingkan memandangkan aspek-aspek yang dikaji banyak melibatkan hal-hal tentang pendapat responden mengenai sesuatu hal, sikap dan pandangan tentang proses perindustrian petroleum ini.

## 3. Participant Observation

Untuk mengkaji perubahan sosial dalam jangka masa 1 bulan adalah tidak mencukupi bagi membuat sebuah penganalisan yang baik, tepat dan lengkap. Walau bagaimanapun, kelihatan berlakunya perubahan sosial dan juga perubahan nilai ke atas masyarakat kawasan yang terlibat akibat dari proses perindustrian yang mendadak ke atas komuniti di kampung ini.



'Participant Observation' atau penyertaan pengkaji secara langsung dalam masyarakat terlibat adalah penting untuk mendapatkan data-data dari responden khususnya dan seluruh penduduk kampung yang terlibat amnya. Pengkaji telah mengambil jangkamasa 1 bulan untuk tinggal bersama-sama dengan masyarakat dan bercampur gaul dengan mereka bagi memperolehi data serta untuk melihat dengan lebih jelas dan dekat perkara-perkara yang menjadi fokus kajian. Satu perkara yang amat menggembirakan hati pengkaji ialah pengkaji mudah diterima oleh masyarakat kampung dan senang berinteraksi dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Dalam tempoh beberapa hari sahaja ramai penduduk telah mengetahui kehadiran pengkaji dalam masyarakat mereka. Ini adalah kerana pengkaji tinggal bersama-sama dengan orang yang agak terkenal di kampung ini. Kebanyakan mereka telah mengetahui tujuan kedatangan pengkaji kerana maklumat yang mereka perolehi dari Penghulu dan hasil perbualan responden kajian kepada penduduk kampung yang lain.

Pengkaji tidak dapat menyertai responden ke tempat kerja kerana masalah tertentu. Misalnya bagi yang bekerja sebagai nelayan, pergi di waktu pagi dan balik di waktu petang. Pengkaji hanya melihat bagaimana responden pergi ke laut dan melihat mereka memungkah ikan di waktu petang dan dimasukkan ke dalam peti-peti sejuk sebelum dihantar ke bandar Kemaman sebelum dieksport ke bandar-bandar besar.

Pengkaji juga telah pergi ke tempat perindustrian petroleum terutamanya di kawasan penapisan minyak dan rantau Petronas.

Pergaulan mesra dengan penduduk kampung menyebabkan pengkaji mudah mengemukakan beberapa soalan secara informal kepada penduduk kampung dan responden khasnya. Daripada perbualan secara tidak formal inilah pengkaji dapat melihat perubahan sosial yang berlaku akibat perindustrian.

#### 4. Temuduga

Kaedah ini dijalankan bagi memperolehi maklumat-maklumat yang tidak dapat diperolehi daripada kajian soalselidik. Temuduga juga dibuat bagi memperolehi maklumat dan data-data tertentu daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam proses perindustrian dan urbanisasi di kampung ini. Antara yang telah ditemuduga ialah:-

- (a) Ketua Kampung
- (b) Penghulu
- (c) Pegawai Daerah Kemaman
- (d) Pegawai Petronas Yang Terlibat

#### 5. Kajian Perpustakaan

Untuk melengkapkan data-data dan menambahkan maklumat yang kurang lengkap, kajian perpustakaan adalah penting. Maklumat mengenai kegiatan Petronas didapati daripada 'article' yang didapati



daripada Ibu Pejabat Petronas di Kuala Lumpur. Selain daripada itu pengkaji mendapatkan maklumat tentang kawasan kajian dari akhbar dan seminar yang pernah dijalankan.

### 1.5 Masalah Kajian

Di dalam kebanyakan kajian, masalah utama ialah kesukaran untuk bertemu dengan responden. Masalah ini timbul kerana kebanyakan responden menghabiskan masa mereka sepanjang hari di tempat kerja. Pengkaji terpaksa membuat 'temujanji'. Malangnya kadang-kadang responden terlupa mengenai 'temujanjinya' dan pengkaji terpaksa mengulangnya beberapa kali untuk ditemuduga. Jika pengkaji pergi di waktu malam, kadang-kadang ada responden telah tidur akibat keletihan atau kadang-kadang tiada di rumah. Temujanji penting untuk menjimatkan masa dan tenaga pengkaji.

Kedatangan pengkaji menjalankan kajian di kampung ini telah menimbulkan banyak salah faham di kalangan penduduk kampung. Pengkaji dianggap sebagai agen kerajaan dan ini merupakan sebab utama kebanyakan responden enggan bekerjasama memberikan maklumat, terutamanya para peniaga. Mereka bimbang bahawa pengkaji adalah dari kakitangan 'income tax' atau cukai pendapatan. Tidak kurang juga yang meluahkan perasaan marah kepada pengkaji terutamanya jika ditanyakan tentang gantirugi yang mereka dapati. Kemarahan mereka timbul ekoran dari gantirugi yang diberikan terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk membina sebuah rumah yang baru. Mereka menyangkakan bahawa pengkaji adalah orang kerajaan yang sedang membuat kajian. Atas faktor inilah ramai di kalangan responden pilihan enggan

memberikan maklumat yang lengkap. Pengkaji terpaksa melakukan 'cross check' terutamanya dari segi pemilikan harta dan pendapatan sampingan yang diperolehi, misalnya sewa rumah. Semasa kajian dijalankan pengkaji menjadi bahan melepaskan kemarahan bagi responden yang kurang mengerti akan tujuan dan maksud pengkaji.

Tidak kurang juga, ada di antara responden yang berharap agar pengkaji dapat mengemukakan segala masalah mereka kepada pihak atasan. Tetapi pengkaji telah cuba menerangkan akan kedudukan diri pengkaji yang sebenar iaitu hanya sebagai pelajar yang tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa pun.

Mengenai tempat tinggal, pengkaji tidak mengalami masalah kerana telah berjaya mendapatkan ibubapa angkat di kampung ini. Pengkaji telah membuat perhubungan yang lebih awal bagi mencari tempat tinggal semasa menjalankan kajian. Dengan tinggal di rumah ibubapa angkat yang mempunyai pengaruh yang agak kuat di kalangan orang kampung ada kebaikan dan keburukannya juga. Kebaiakannya, pengkaji mudah mendapatkan maklumat tentang perubahan dan kemajuan kampung sebelum dan selepas dari proses perindustrian dan sejarah kampung daripada ibubapa angkat sendiri. Di samping itu responden mudah memberikan kerjasama apabila mengetahui pengkaji adalah anak angkat kepada orang yang berpengaruh itu.

Keburukannya, terdapat juga responden yang enggan bekerjasama atas sebab-sebab yang tidak dapat diketahui secara tepat oleh pengkaji tetapi walau bagaimanapun, dalam keseluruhan kajian dijalankan, responden dan penduduk kampung memberikan



kerjasama yang memuaskan.

Satu lagi masalah yang dihadapi semasa kajian dijalankan ialah mengenai maklumat yang perlu diperolehi melalui temuduga. Oleh kerana perusahaan petroleum merupakan projek yang pertama kalinya dijalankan di Malaysia jadi ada banyak maklumat yang perlu dirahsiakan. Pengkaji juga terpaksa pergi ke Kemaman untuk mendapatkan sedikit sebanyak maklumat dari Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah mengenai perkembangan dan urbanisasi yang berlaku di kampung ini. Kesulitan timbul apabila pegawai yang ditemujanji tidak dapat memenuhi janjinya untuk ditemuduga. Ini merupakan satu masalah yang serius yang boleh mengganggu perjalanan kajian secara keseluruhannya.



## BAB II

### TEORI DAN KONSEP

#### 2.1 Teori Perubahan Sosial

Manusia sebagai unit masyarakat dari masa ke semasa akan mengalami perubahan sama ada dari segi struktur sosial ataupun kebudayaannya. Penerangan mengenai sebab, akibat dan jenis perubahan yang berlaku diserahkan kepada ahli sosiologi yang memperkenalkan disiplin ini.

Masyarakat akan mengalami proses perubahan sosial yang dinamik apabila masyarakat itu sering bertembung dengan sesuatu perkara yang baru. Masyarakat tetap mengalami perubahan dari masa ke semasa kerana setiap unit manusia dalam sesebuah masyarakat cuba menyesuaikan diri dengan alam sekitar dan ciptaan-ciptaan baru.

Para teorist awal sependapat mengatakan bahawa penyebab utama kepada perubahan sosial ialah idea-idea baru tentang teknologi, konflik, ekonomi dan pertembungan antara dua kebudayaan. Pada umumnya perubahan boleh disebabkan oleh faktor-faktor di atas tetapi perlu diingat bahawa tidak semua faktor di atas menjadi penyebab asas kepada suatu perubahan dalam masyarakat.

Perubahan sosial boleh dikaji sebagai satu fenomena jangka pendek dan jangka panjang. Masa kini timbul kecenderungan untuk melihat bahawa perubahan sosial sebagai asas pembawa kemajuan. Walau bagaimanapun kajian mengenainya hanya berkisar kepada perubahan

sosial yang universal.

Mc Iver dan Page menyatakan:

"Perubahan sosial merupakan perubahan dalam perhubungan sosial. Perubahan yang berlaku didorong oleh perubahan dalam faktor biologi, teknologi dan budaya."<sup>1</sup>

Definisi yang dikemukakan oleh Mc Iver dan Page mengenai teori perubahan sosial lebih menumpu kepada perubahan dalam aspek perhubungan sosial yang menjadi sebahagian daripada aspek kehidupan dalam masyarakat amnya. Perlu diingat bahawa terdapat aspek-aspek lain dalam masyarakat yang boleh mengalami perubahan misalnya organisasi kekeluargaan.

Roulet dan Warren pula cuba memperluaskan ruanglingkup definisi iaitu, teori perubahan sosial juga melibatkan perubahan dalam proses kemasyarakatan dan perubahan dari aspek kebudayaan.

Roulet dan Warren menegaskan bahawa:

"Perubahan sosial mempunyai kaitan dengan perubahan dalam proses sosial atau struktur masyarakat. Perubahan budaya meliputi aspek yang lebih luas iaitu termasuklah perubahan dalam aspek kebudayaan seperti kepercayaan, ilmu pengetahuan, bahasa, teknologi dan lain-lain."<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> R.M. Mc Iver dan Charles H. Page, Masyarakat Satu Analisa Permulaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, m.s. .

<sup>2</sup> Roulet dan Warren, Sociology: An Introduction, Lutcefield, Adams and Co., m.s. 169 - 173.



Bagi Anthony D. Smith pula perubahan sosial ialah:

"A process of social change or a set such processes which are theoretically universal in time and space."<sup>3</sup>

dan Kingsley Davis berpendapat bahawa:

"Social change is meant only such alterations as occurred in social organization that is the structure and function of society."<sup>4</sup>

W.F. Ogburn dan M.F. Nimkoff mendefinisikan perubahan sosial sebagai:

"Perubahan dalam unsur-unsur kebudayaan sama ada kebudayaan material ataupun non-material."<sup>5</sup>

Dari huraianya Ogburn mempercayai bahawa perubahan sosial lebih banyak disebabkan oleh kemajuan dalam bidang teknologi. Kemajuan teknologi menyebabkan cara hidup manusia berubah mengikut penemuan dan ciptaan baru. Contohnya penggunaan komputer yang pesat masakini. Kadar perubahan ini dinamakan sebagai 'culture lag' dan seperti yang diketahui umum 'material culture' berubah lebih pesat dari 'non-material culture'. Ogburn berpendapat bahawa perubahan sosial sebagai satu proses penyesuaian antara teknologi dan struktur sosial.

---

<sup>3</sup> Anthony D. Smith, The Concept of Social Change, Routledge and Kegan Paul, London and Boston, 1973, m.s. 61.

<sup>4</sup> Davis K., Human Society, The Macmillan Co., New York, 1949.

<sup>5</sup> W.F. Ogburn and M.F. Nimkoff, Sociology, Boston, 1946, m.s. 200-213.



Ahli teori functionalis melihat perubahan sosial sama seperti mengkaji stabiliti sosial dan dikaji sebagai satu aspek kepada fenomena sosial.

"... the aim is to identify, describe and measure specify the conditions of social structure and environment under which such change occurred. Social change is thus conceptualized as a social function."<sup>6</sup>

Dari definisi di atas mereka menganggap bahawa perusahaan sosial dikatakan mempunyai fungsi-fungsi sosial. Untuk melihat perubahan sosial dengan berkesan, perhatian harus ditumpukan kepada struktur sosial dan alam sekitar di mana perubahan itu berlaku.

## 2.2 Faktor-Faktor Perubahan Sosial

Terdapat berbagai-bagai faktor yang menggalakkan berlakunya proses perubahan sosial dalam masyarakat. Antara yang sering diperkatakan ialah faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman berkait rapat dengan perkembangan kemajuan masyarakat dan kebudayaannya. Di samping itu kepesatan kemajuan perindustrian dan urbanisasi penting untuk mewujudkan modenisasi dalam masyarakat.

Eisenstadt dan Rostow berpendapat:

"All those development in modern societies which follow in the wake of industrialization and mechanization. They include the loosening of boundaries between social classes and on

---

<sup>6</sup> Joseph S. Himes, The Study of Sociology: An Introduction, Scott Foresman and Co., 1967, m.s. 428 - 429.

increase in social mobility. The growth of education new procedures of industrial negotiation, the extension of Franchise, the development of social services etc..."<sup>7</sup>

Faktor perindustrian dan urbanisasi adalah penting untuk mengadakan perubahan-perubahan terhadap penduduk-penduduk di satu-satu kawasan. Perindustrian dan urbanisasi merupakan dua elemen yang berhubungan.

Secara umum proses urbanisasi akan melibatkan 3 perkara iaitu:-

1. Penghijrahan dari luar bandar ke bandar.
2. Perubahan dari segi ekonomi atau lazimnya melihat perubahan ekonomi luar bandar yang bercorak pertanian kepada ekonomi bandar yang bercorak perdagangan dan perindustrian.
3. Perubahan sikap, nilai dan cara hidup luar bandar kepada nilai-nilai dan cara hidup bandar.

Secara umumnya urbanisasi didefinisikan sebagai proses masyarakat menerima corak hidup bandar. Reissman dalam bukunya mendefinisikan urbanisasi sebagai:

"Is a social change on a vast scale it means deep and irrevocable changes that alters all sectors of a society. Apparently the

---

<sup>7</sup> Allan Bullock and Oliver Stallybrass, The Fontana Dictionary of Modern Thought, Richard Clay Ltd., USA, 1977, m.s. 397.



process is irreversable once begun.  
The impetus of urbanization upon society  
is such that society give way to urban  
institution, urban value and urban  
demands."<sup>8</sup>

Tokoh-tokoh terkemuka dalam sosiologi industri seperti Max Weber, Karl Marx, Elton Mayor dan Moore menegaskan bahawa perubahan yang berlaku dalam struktur sosial adalah akibat industrialisasi.

Faktor luaran yang penting ialah 'difusi' iaitu proses penyerapan unsur-unsur luar ke dalam masyarakat. Walau bagaimanapun kepesatan perubahan sosial yang berlaku akibat 'difusi' ini bergantung kepada unsur dari luar itu sendiri. Jika unsur yang didatangkan daripada luar itu diterima dan disesuaikan ke dalam sistem sosial maka kita akan dapat melihat proses perubahan yang agak ketara. Tetapi jika unsur itu hanya dipertunjukkan sahaja dan tidak memberi kesan kepada masyarakat maka proses perubahan tidak mungkin berlaku. Penyesuaian oleh masyarakat terhadap unsur dari luar akan menyebabkan wujudnya berbagai-bagai aspek perubahan sosial misalnya dari aspek sikap dan nilai, ekonomi, politik dan kekeluargaan. Proses penyesuaian unsur-unsur dari luar ini akan mewujudkan konflik dalam masyarakat. Konflik yang wujud itu boleh jadi teratur atau tidak teratur, sementara atau berpanjangan, fizikal atau intelektual atau kerohanian. Selalunya dalam konflik

---

<sup>8</sup> Leonard Reissman, The Urban Process Cities in Industrial Societies, Glencoe Illinois, USA, 1964, m.s. 154.



itu berlaku pertentangan antara kepentingan dan sentimen lama dengan sentimen baru.

### 2.3 Teori Konflik Sosial

Konflik sering diberikan maksud bahawa berlakunya pertentangan antara kepentingan dan sentimen lama dengan baru. Konflik timbul apabila terdapat dua elemen atau lebih ber'interact' dan bertentangan antara satu sama lain.

Charles Wangley dan Marvin Harris berpendapat:

"Konflik merupakan satu hubungan yang bertentangan dengan hubungan yang biasanya menimbulkan integrasi dalam masyarakat. Biasanya konflik akan menimbulkan perpecahan dalam masyarakat."<sup>9</sup>

Konflik yang membawa perpecahan kepada perpaduan masyarakat dikatakan mempunyai fungsi 'dysfunctional' atau negatif. Kehidupan sosial amat kompleks strukturnya. Menurut Ibn Khaldun terdapat berbagai-bagai faktor penyebab kepada satu-satu perubahan dan konflik sebagai mekanisme asas kepada perubahan.

Pendapat di atas bertentangan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Percy S. Cohen:

"Konflik adalah disebabkan oleh perubahan sosial kerana terdapat 'consensus' dalam masyarakat. Jika setiap struktur bersatu tekanan untuk melakukan perubahan agak

---

<sup>9</sup> Charles Wagley dan Marvin Harris, Minorities in the New World, New York, Columbia University Press, 1964, m.s. 258.

sukar. Konflik yang berlaku di antara kumpulan sosial menyebabkan berlakunya perubahan dalam sistem sosial dan budaya."<sup>10</sup>

Wilbert Moore menegaskan bahawa konflik adalah sebahagian daripada sistem sosial dan perbincangan tentang masalah perhubungan sosial tidak dapat dielakkan. Kekurangan 'resources' dalam bidang ekonomi, politik, pentadbiran, sosial dan lain-lain merupakan faktor berlakunya konflik dalam masyarakat. Misalnya dalam bidang politik terdapat sekumpulan yang berkuasa yang terhad bilangannya dan faktor ini menyebabkan berlakunya konflik dalam masyarakat. Misalnya dalam bidang politik terdapat sekumpulan yang berkuasa yang terhad bilangannya, dalam satu kumpulan sosial yang besar. Pertentangan dan konflik akan berlaku jika ramai antara individu-individu dalam kumpulan sosial yang manu merebut kekuasaan tersebut. Konflik yang berlaku mungkin berbentuk 'latent' atau 'manifest'.

Coser pula cuba memberikan definisinya mengenai konflik iaitu:

"Struggle over values or claims to status, power and scarce resources in which the aims of the conflicts groups are not only to gain desired values but also to neutralize or eliminate rivals. Such conflict may take place between individual and collective intergroup as well as intergroup conflict are perennial features of social life."<sup>11</sup>

---

<sup>10</sup> Percy S. Cohen, Modern Social Theory, Heinemann Ed. Book Ltd., London, 1968, m.s. 183 - 184.

<sup>11</sup> Coser, A Function of Social Conflict, Routledge and Kegan Paul Ltd., London and Boston, 1956, m.s. 8.



Coser mengatakan bahawa konflik berlaku dalam perhubungan sosial dan konflik mempunyai 'functional values'. Secara tidak langsung Coser tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan konflik bersifat 'dysfunctional' semata-mata.

Di antara faktor-faktor yang menggalakkan berlakunya konflik ialah perbezaan nilai dan kepentingan. Konflik akibat perbezaan nilai timbul kerana wujud pendapat, sikap, agama dan kepercayaan yang berlainan yang akhirnya menimbulkan pertentangan. Konflik akibat perbezaan kepentingan pula lebih tertumpu kepada aspek ekonomi, politik dan pentadbiran. Misalnya dalam bidang ekonomi terdapat pertentangan di antara buruh dan majikan.

#### 2.4 Konsep Industri

Wilbert Moore mendefinisikan industri sebagai:

"Industry refers to the fabrication of raw materials into intermediate components of finished product by primarily mechanical means dependent on inanimate source of power."<sup>12</sup>

Pentakrifan Moore mengenai industri adalah dari segi asas industri itu sendiri dan menganggap industri merupakan satu organisasi yang tersendiri.

Krishnan Kumar pula mengatakan:

"Industrialization meant certainly the transformation of the productive forces

---

<sup>12</sup> Wilbert Moore and Smelser, The Impact of Industry, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, USA, Bab I.



of society through the application of a machine technology and factory system but it also meant urbanization, secularization, the rationalization of thought, institution and behaviour the individualization of consciousness and conduct and host of other changes in family life, politics and culture."<sup>13</sup>

Krishnan menghuraikan tentang industri dan proses perindustrian yang melibatkan masyarakat dan membawa kepada perubahan dalam corak hidup dan budaya serta aspek fizikal masyarakat.

Cole pula mendefinisikan industrialisma sebagai:

"Industrialism is fundamentally an affair of productive technique. It is based upon the discovery wealth, primary in the processes of men manufacture but also to an increasing extent in agriculture and in the extra extractive industries yielding primary products. It is closely associated with an increase in the scale of production, with the development of capitalistic methods in both manufacture and marketing and with the employment of wage labour."<sup>14</sup>

Industri dalam ertikata sebenar melibatkan modal, teknologi dan kepakaran. Industri juga sebagai satu penyelesaian masalah pengangguran yang kian bertambah dan menyeimbangkan taraf hidup masyarakat bandar dan luar bandar dengan mengagihkan pembangunan industri di luar bandar.

---

<sup>13</sup> Krishnan Kumar, Propensity and Progress: The Sociology of Industrial and Post Industrial Society, Penguin Books, London, 1978, m.s. 55.

<sup>14</sup> Cole G.D.H., 'Industrialism Encyclopedia of the Social Sciences', Edwin R.A. Seligmen (ed.), Vol. 8, m.s. 19.

Mengikut pendapat J.R.T. Hughes, industri ialah:

"The system of production that had arisen from the steady development, study and use of scientific knowledge. It is based on the division of labour and specialization and use mechanical, chemical and power arisen as well as organization and intellectual aids in production."<sup>15</sup>

## 2.5 Proses Perindustrian

Untuk memesatkan proses pembangunan sesebuah negara perindustrian haruslah dititikberatkan perlaksanaannya. Kebanyakan negara-negara maju di serata dunia bergantung kepada industrinya dan negara-negara ini mempunyai kemajuan yang 'sophisticated' di bidang perindustrian.

Industrialisasi merupakan suatu strategi pembangunan negara yang terpenting terutamanya di negara membangun seperti Malaysia. Proses perindustrian melibatkan perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan demografi sesuatu kawasan yang dimajukan. Ia juga melibatkan organisasi dan institusi sosial sesuatu kawasan itu. Pembangunan industri secara tidak langsung melibatkan penyediaan kemudahan asas seperti air, elektrik, infrastruktur, sistem pengangkutan, alat perhubungan dan lain-lain kepada kawasan yang terlibat. Di samping itu ia juga melibatkan organisasi dan institusi sosial sesuatu kawasan.

---

<sup>15</sup> Hughes J.R.T. Industrialization, International Encyclopedia of Social Sciences, David L. Sills (ed.), Vol. 7, 1968, m.s. 252.



Eugene V. Schneider mengatakan:

"Industry has had direct and indirect influence sometimes of a drastic nature on other institutions in society."<sup>16</sup>

Selain daripada bertujuan untuk pembangunan negara, projek perindustrian yang dijalankan dijangka akan dapat memberi peluang pekerjaan masyarakat setempat seterusnya secara tidak langsung akan meninggikan taraf hidup. Proses perindustrian secara tidak langsung telah berjaya merubah masyarakat setempat dengan ciri-ciri baru iaitu dari ciri tradisional kepada ciri moden atau dengan kata lain mengikut Tonnies, masyarakat menukar ciri 'gemeinschaft' kepada 'gesellschaft'.

Theodorson mengatakan bahawa proses perindustrian ialah:

"Deal with the disorganizing effect of the change in social relationships endangered by the participation of member of a non-industrial society in activity oriented to modern machines deal with the new patterns of social relationships which will develop in relation to the demands imposed by the machine."<sup>17</sup>

Tetapi bagi R. Aron pula:

"Although industrialism follows widely different patterns in different countries some characteristic of the industrialization process are common to all. These universals

---

<sup>16</sup> Eugene V. Schneider, Industrial Sociology, Mc Graw Hill, London, 1971, m.s. 2.

<sup>17</sup> Theodorson, Political Development and Social Change, Finkle, J.L. and Gable, R.W. eds., John Wiley and Sons Inc., USA, 1971, m.s. 204 - 211.



are from the imperatives intrinsic to the process, they are pre-requisites and concomitants of industrial evolution. Once under way the logic of industrialization set in motion many trends which do more or less violence to the traditional or industrial society."<sup>18</sup>

Proses industri dikatakan mempunyai ciri-ciri yang 'universal' di mana kebanyakan kawasan yang mengalami proses perindustrian pasti akan mengalami sedikit sebanyak perubahan. Proses perindustrian selalunya berlaku dalam 2 corak iaitu:-

1. Perindustrian yang wujud tanpa dirancang.
2. Perindustrian sebagai satu proses yang dirancang.

Perindustrian yang wujud tanpa dirancang merupakan satu proses perkembangan sejarah peringkat kemajuan manusia. Contohnya yang berlaku di Britain dalam abad ke 19, yang akhirnya memunculkan bandar-bandar baru, masyarakat kelas menengah dan pertambahan penduduk dengan pesat.

Perindustrian sebagai suatu proses yang dirancang adalah seperti yang kebanyakannya berlaku di negara-negara membangun. Proses perindustrian yang hendak dijalankan dirancang begitu teliti oleh pakar-pakar tempatan mahupun dari luar negeri yang terdiri dari ahli-ahli ekonomi. Ini ialah kerana untuk mendapatkan keuntungan yang maksima daripada projek perindustrian itu. Proses ini dijalankan dalam 2 cara:-

---

<sup>18</sup> R. Aron, 18 Lectures on Industrial Society, George Weiderfeld and Nocolson Ltd., London, 1969, m.s. 73 - 96.

1. Membina pusat perindustrian di kawasan yang belum mempunyai asas perindustrian.
2. Membaharui industri yang telah sedia ada dengan menggunakan kepakaran dan teknologi moden. Proses perindustrian yang dijalankan di kawasan yang baru melibatkan modal yang banyak. Kebiasaannya perindustrian akan mengubah 'physical environment' kawasan yang terlibat.

Schneider menjelaskan:

"Industry is fundamentally effecting the institutions, organizations and groups of community, the family social classes, neighbourhood, recreational groups, churches. It is in ways such as these that industry and the community mutually influence each other."<sup>19</sup>

Kita akan dapat melihat tindakbalas antara industri yang dibangunkan dengan masyarakat sekitarnya. Industri telah membawa berbagai-bagai kesan dan perubahan kepada masyarakat yang berperanan menjayakan projek perindustrian di kawasan tersebut. Aspek timbal balik ini merupakan satu ciri yang universal dan wujud di mana-mana kawasan perindustrian di dunia ini.

Proses perindustrian terbahagi kepada 4 bahagian:

1. Mencipta kerja dan peranan baru dalam masyarakat
2. Menyediakan kemudahan-kemudahan baru

---

<sup>19</sup> Eugene V. Schneider, Industrial Sociology, Mc Graw and Hill, London, 1971, m.s. 397 - 398.



3. Mencipta ganjaran-ganjaran baru
4. Mencipta sumber prestij dan kuasa yang baru

## 2.6 Kesan-Kesan Industri

Wilbert Moore di dalam bukunya 'The Impact of Industry'<sup>20</sup> membahagikan kesan industri kepada 2 iaitu:-

1. First Order Consequences
2. Reverberation

'First Order Consequences' ialah melihat kesan industri dari aspek organisasi, ekonomi, demografi dan ekologi. Dalam aspek organisasi, Moore membincangkan soal-soal mengenai perhubungan dalam pekerjaan. Beliau telah membahagikannya kepada 3 perkara iaitu:-

1. Perhubungan pekerja dengan mesin
2. Perhubungan sesama pekerja
3. Perhubungan pekerja dengan majikan

Perhubungan pekerja dengan mesin ini dikatakan membawa kesan yang agak negatif kepada para pekerja kerana berlakunya 'the super-ordination of machine'.

Perhubungan sesama pekerja ini berlaku secara 'technologically determined' dan menjadikan perhubungan ini menjadi 'functionally specific' dan 'impersonal'.

---

<sup>20</sup> Wilbert Moore, The Impact of Industry, Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, USA.



Perhubungan pekerja dengan majikan berlaku atas dasar 'contractual'. Perhubungan ini memberikan kesan yang agak ketara kepada pekerja, kerana melibatkan soal-soal perbezaan tempat tinggal dan implikasi dari perhubungan ini menyebabkan sikap individualistik menjadi bertambah tinggi.

(i) Kesan Dari Sudut Ekonomi

Berhubung dengan kesan perindustrian ke atas ciri-ciri utama dalam struktur ekonomi Moore mengemukakannya sebagai yang berikut:-

1. Proses perindustrian yang berlaku telah mengurangkan bilangan penduduk yang terlibat secara langsung dalam bidang pertanian. Penggunaan kaedah moden dalam bidang pertanian telah mengurangkan penggunaan tenaga buruh untuk proses pengeluaran. Lebih tenaga buruh di sektor pertanian ini disalurkan ke sektor perkilangan yang memerlukan tenaga buruh yang ramai.
2. Kesan dari perindustrian memerlukan perluasan dan komersialisasi pasaran untuk barang-barang pengguna. Institusi kewangan dan komersial berkembang luas dalam ekonomi perindustrian, jika dibandingkan dengan kawasan belum membangun dan belum mantap dari segi ekonominya. Walau bagaimanapun projek pembangunan di kawasan yang hampir dengan kawasan perindustrian dapat dijalankan dengan mudah.

3. Kekurangan pekerja mahir merupakan keadaan yang tidak dapat dielakkan dalam masyarakat perindustrian yang sedang membangun. Walau bagaimanapun terdapat lebih pekerja yang tidak mahir atau pekerja yang mempunyai kemahiran yang tidak sesuai dengan perubahan teknikal yang berlaku.

(ii) Kesan Dari Sudut Demografi dan Ekologi

Perindustrian telah memberi kesan terhadap pertambahan penduduk dan perubahan dalam struktur umur dan jantina. Ramalan Malthus yang menakutkan tentang kesengsaraan yang akan bertambah akibat pertambahan penduduk tidak dapat disahkan di dunia Barat. Ini kerana perluasan ke kawasan penempatan yang longgar di dunia Barat dan Oceania. Sebenarnya pertambahan penduduk telah menggalakkan pertumbuhan dalam bidang ekonomi iaitu dapat membekalkan tenaga buruh serta menyediakan pasaran untuk barang-barang keluaran kilang. Walau bagaimanapun pertumbuhan penduduk yang pesat di kawasan sedang membangun telah menunjukkan tanda-tanda kemelesetan dalam pertumbuhan pendapatan per kapita kerana migrasi yang berlaku amat rendah.

Penurunan kadar kematian terutamanya di kalangan bayi dan kanak-kanak dan disertai oleh kadar kelahiran yang meningkat telah menghasilkan penduduk yang 'muda' dari segi purata umur. Bagi kawasan sedang membangun faktor ini telah mengurangkan jumlah golongan yang produktif dan ini akan menyebabkan berlakunya migrasi kerana perindustrian memerlukan ramai tenaga buruh yang produktif.



Faktor di atas juga menyebabkan berlaku kesukaran dalam usaha mengembangkan kemudahan persekolahan untuk anak-anak.

Kebanyakan kawasan dunia belum membangun kini sedang mengalami 'perbandaran berlebihan' iaitu kadar penghijrahan dari desa lebih tinggi dari kadar perkembangan peluang pekerjaan di bandar-bandar.

Dalam Reverberation pula, Moore cuba melihat kesan industri ke atas struktur sosial. Beliau mengemukakannya sebagai:-

1. Gerakan meluas dari segi geografi dan sosial ke arah perindustrian telah memberikan kesan negatif kepada sistem kekeluargaan. Masyarakat industri lebih cenderung untuk mengurangkan pertalian yang rapat antara generasi muda dengan generasi tua. Ramai sarjana berpendapat bahawa hanya sistem kekeluargaan yang kecil sahaja yang wujud dalam masyarakat perindustrian, tetapi generalisasi ini terlalu diperbesar-besarkan. Tanggungjawab sosial terhadap sanak saudara di luar keluarga 'muklear' telah menjadi lemah tetapi masih cuba dipertahankan. Kelompok persaudaraan 'bergabung' tidak lagi bertindih sebagai pusat ekonomi, politik dan sosial kerana ia tidak berjaya mengatasi tekanan dari ekonomi moden. Walau bagaimanapun hubungan timbal balik mungkin ada berlaku.

2. Apabila keluarga tidak lagi menjadi satu unit pengeluaran ekonomi terutama di bandar dikatakan kedudukan sosial wanita mungkin akan terancam. Walau bagaimanapun kemudahan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor perindustrian dapat mengatasi 'kehilangan status' tersebut. Wanita sebenarnya akan dapat memperolehi kewibawaan yang lebih dari 2 aspek penting misalnya:
  - (a) Pemeliharaan anak-anak dan pengurusan pendapatan keluarga untuk kegunaan sehari. Dalam konteks ini kenyataan yang sering kedengaran bahawa keluarga telah kehilangan fungsi ekonomi akibat kemajuan dalam bidang perindustrian adalah kurang tepat kerana keluarga masih merupakan satu unit pengguna dalam sebuah ekonomi dan merupakan sumber pembina keputusan ekonomi yang penting.
3. Bagi setengah-setengah penduduk bandar, kehilangan ikatan 'intim' dengan anggota-anggota keluarga dan kurangnya jalinan ikatan emosi yang akan melahirkan berbagai-bagai kesan misalnya perasaan terasing, masalah sosial seperti minuman keras, tekanan mental dan ketagihan dadah mungkin akan bertambah sejajar dengan perubahan pesat dalam sektor ekonomi dan masalah ini mungkin akan berterusan jika penduduk



tidak dapat/gagal menyesuaikan diri dengan proses pemodenan tersebut.

4. Perkembangan dalam sistem perhubungan massa akibat kemajuan teknologi seperti sistem pemancaran radio, televisyen akan menjadi penggantian separa untuk pengenalan huruf tetapi lebih berkesan untuk kegunaan proses pembelajaran yang lebih teknikal. Proses ini lebih mengarahkan kepada soal-soal untuk memecahkan pemencilan kampung dan cuba untuk menimbulkan suatu set sikap dan pemikiran yang baru.
5. Penglibatan dalam persatuan terutama yang bersifat sukarela tidak ditaburkan sama rata kepada penduduk dan hanya tertumpu kepada penduduk yang mempunyai kedudukan dan jawatan-jawatan tertentu.
6. Perbezaan pendapatan membawa makna besar dalam masyarakat perindustrian kerana:
  - (a) Pendapatan merupakan punca utama untuk pertambahan permintaan dalam bidang perkhidmatan dan keperluan.
  - (b) Lebihan dalam pendapatan akan lebih cenderung digunakan sebagai asas utama untuk meletakkan manusia di atas satu skil yang seragam.

Akhirnya dapat dilihat bahawa struktur politik sesebuah negara tidak semata-mata ditentukan oleh proses perindustrian tetapi telah nyata bahawa ketegangan dan tidak teraturanya dalam sistem sosial lebih cepat menerima perhatian dari pihak pentadbir (ahli politik). Penglibatan politik yang meluas oleh orang-orang awam perlu untuk meneruskan kawalan politik.



## BAB III

### LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

#### 3.1 Kedudukan Geografi

Tumpuan kawasan kajian meliputi 3 kawasan perkampungan yang terletak di bawah satu kawasan yang dinamakan 'Pekan Kerteh'. Kampung-kampung ini terdiri dari Kampung Telaga Papan, Kampung Tengah dan Kampung Gelugur. Kampung-kampung ini diletakkan di bawah satu pentadbiran dan mempunyai seorang Ketua Kampung dan seorang Penghulu.

Pekan Kerteh terletak di tepi pantai. Ia terletak di tengah-tengah perjalanan antara Kemaman dan Dungun. Jarak perjalanan di antara Kemaman dengan Pekan Kerteh adalah lebih kurang 50 km dan di antara Kerteh dengan Dungun adalah lebih kurang 32 km. Untuk ke Kuala Terengganu, harus menempuh perjalanan sejauh 112 km daripada pekan Kerteh. Berdasarkan jarak-jarak yang disebutkan di atas, jelas menunjukkan bahawa untuk pergi ke bandar, seseorang itu terpaksa menempuh satu perjalanan yang jauh. Walau bagaimanapun perkara ini tidak menjadi masalah kerana Kerteh tidak ada terdapat bandar atau pekan untuk tujuan membeli belah. Ini kerana pekan Kerteh adalah sebuah perkampungan nelayan yang terpencil dan banyak diliputi oleh hutan paya dan tidak mempunyai kemudahan asas yang lengkap.

Hari ini, Kerteh mula berubah wajah. Jika sebelumnya Kerteh hanyalah sebuah perkampungan nelayan yang terpencil dan sunyi dari arus pembangunan tetapi setelah penemuan minyak di luar pantai negeri Terengganu telah menjadikan pekan Kerteh sebuah perkampungan yang 'urbanized'. Ini seralas dengan statusnya sebagai pusat pemerosesan petroleum di Terengganu. Setelah munculnya petroleum di Terengganu, Kerajaan Negeri berusaha membangunkan kawasan pekan Kerteh dan cuba memperlengkapkan dengan segala kemudahan asas dan infrastruktur. Jika sebelumnya banjir sering melanda di kampung ini pada musim tengkujuh tetapi setelah kerajaan membina saluran air yang sistematik, kerajaan juga membina benteng di tepi pantai untuk mengelakkan terjadinya tanah runtuh akibat pukulan ombak. Jika dahulu Kerteh terkenal sebagai kawasan perikanan dan perkampungan nelayan tetapi kini Kerteh dikenali dan masyhur sebagai kawasan industri petroleum yang utama di Malaysia.

Kawasan Kerteh diliputi oleh tanah yang berpasir. Tanah jenis ini adalah tidak sesuai untuk pertanian. Penduduk di kampung ini hanya mengusahakan tanaman kelapa dan gajus sebagai sumber pendapatan sampingan. Pekerjaan utama penduduk kampung ialah sebagai nelayan. Setelah industri mula dibangunkan, pihak kerajaan berusaha merombak kedudukan perkampungan yang asal supaya menjadi lebih teratur dan sistematik. Untuk melaksanakan projeknya semua pokok kelapa yang ada di perkampungan pekan Kerteh ditebang untuk memudahkan pembahagian semula tanah dibuat. Setiap buah rumah yang diduduki akan mendapat 1 lot tanah. Setiap orang (unit keluarga) diminta membina rumah di atas lot tanah masing-masing. Hasilnya,



pekan Kerteh menjadi sebuah kawasan perkampungan yang teratur. Setiap lorong dibina satu jalan perhubungan yang baik iaitu berturap. Akibat dari projek ini juga ada di kalangan responden yang kehilangan punca pendapatan dari hasil kelapa. Walau bagaimanapun pihak kerajaan membayar gantirugi di atas setiap batang kelapa yang ditebang. Sebenarnya tindakan kerajaan ini adalah untuk kepentingan bersama contohnya setelah projek rombakan kampung dijalankan, tiada lagi kejadian banjir berlaku. Di samping itu setelah kampung ini dimajukan, ia telah dilengkapi dengan segala jenis kemudahan asas dan infrastruktur yang baik.

Perkhidmatan bas awam juga disediakan untuk kemudahan penduduk kampung keseluruhannya. Perkhidmatan bas ini adalah dari Kemaman - Dungun. Bandar Baru yang dibina melingkungi kawasan hampir seluas 10 km persegi juga menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Di sini disediakan hotel bertaraf antarabangsa untuk kegunaan para pelancong dan juga lot-lot kedai perniagaan. Di Bandar Baru ini juga ditempatkan Maktab Rendah Sains Mara Cawangan Terengganu. Bandar Baru ini terletak bersebelahan dengan Kampung Telaga Papan iaitu dipisahkan oleh sebatang jalan besar dan 'Petrol Pam' kepunyaan Petronas.

### 3.2 Sejarah Kampung

Kerteh pada mulanya merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terpencil dan sunyi dari arus pembangunan. Pekan Kerteh pada mulanya dipenuhi oleh hutan paya. Catatan sejarah mengenai kampung

ini sukar dijejaki. Walau bagaimanapun terdapat cerita-cerita rakyat mengenai asal usul Kerteh yang dicatatkan di dalam rekod Persatuan Sejarah Negeri Terengganu. Cerita ini boleh dijadikan bahan untuk menceritakan sejarah kampung ini.

Mengikut catatan sejarahnya kawasan yang dikenali sebagai Kerteh masa ini, pada masa dahulu dipenuhi oleh air. Setelah masa berlalu, kawasan ini menjadi kering dan bertukar menjadi daratan. Dengan ketiadaan air, kawasan ini disebut sebagai 'kering kerotey' mengikut loghat Terengganu yang bermaksud 'kering kontang'. Lama kelamaan kerotey disebut sebagai kretay dan sekarang disebut 'Kerteh'.

Sebuah cerita rakyat yang lain pula menyebutkan tentang kisah bahawa ada seorang lelaki yang mempunyai isteri yang bernama 'Cik Teh'. Ketika mereka sedang berhuma, 'Cik Teh' terpandang seekor binatang, lalu bertanya kepada suaminya mengenai nama binatang itu. Suaminya dikatakan menjawab "kera, Teh". Sebutan ini melekat sehingga bertukar menjadi Kerteh dan menjadi nama bagi kawasan perkampungan itu.

Bekas Penghulu kawasan pekan Kerteh iaitu Haji Busu Yok Raja yang sempat ditemubual telah menceritakan serba sedikit tentang sejarah Kampung Pekan Kerteh ini. Menurut beliau kawasan Kerteh ini pada asalnya kepunyaan seorang Raja yang bernama Tengku Embong Musa. Raja tersebut akhirnya telah menyerahkan tanah kepunyaan baginda itu kepada sebuah syarikat getah kepunyaan negara Denmark iaitu 'East Asiatic Company Limited. Apabila negara telah mencapai kemerdekaan syarikat tersebut telah menjualkan ladangnya kepada



sebuah syarikat milik orang Cina iaitu Yee Seng. Kawasan Kerteh ini akhirnya dijadikan oleh orang-orang Cina sebagai pusat bermain judi dan pusat persinggahan bagi penjualan candu yang akan dibawa ke Singapura daripada negara Thai.

Bila ladang dibuka, timbullah kawasan perkampungan. Oleh kerana Raja telah memberikan tanah secara percuma kepada sesiapa yang ingin tinggal di Kerteh menyebabkan penduduknya bertambah dari masa ke semasa. Mereka ini sebahagian besarnya terdiri dari kaum pendatang dari kalangan masyarakat Melayu. Orang-orang Cina yang telah sedia ada menetap di pekan Kerteh terutamanya di Kampung Gelugur bekerja sebagai penoreh getah dan orang Melayu menjadi buruh dan nelayan. Walau bagaimanapun, dengan menggunakan kuasa mahkamah akhirnya kerajaan mengambil alih semua tanah yang ada di kawasan Kerteh dan ladang dari Syarikat Yee Seng ini. Setelah industri petroleum dimajukan di Kerteh kerajaan telah bertindak membahagikan semula tanah kepunyaannya kepada penduduk kampung secara sistem lot. Penduduk hanya perlu memindahkan rumah asal mereka ke lot tanah masing-masing dan kerajaan membayar gantirugi terhadap rombakan itu secara tunai. Dengan ini tanah yang dahulunya milik kerajaan telah bertukar milik kepada penduduk Kampung Pekan Kerteh akan proses pembahagian semula tanah.

Walaupun cerita mengenai asal usulnya, Kerteh yang dahulunya jauh dari sebarang arus pembangunan kini telah mengalami beberapa perubahan yang mendadak akibat perjumpaan minyak di luar pantai Terengganu dan penubuhan industri berasaskan petroleum

di Kerteh. Sebelum minyak dijumpai, penduduk Kerteh menumpukan perhatian kepada kerja-kerja menangkap ikan, pertanian dan kerja tangan. Pertanian tertumpu kepada aktiviti menanam dan memungut hasil kelapa dan gajus.

Pada awal tahun 1900, penangkapan ikan yang dilakukan adalah secara kecil-kecilan iaitu hanya untuk keperluan sehari-hari. Jika mendapat tangkapan yang berlebihan, biasanya mereka akan menukarkan dengan lain-lain barang keperluan yang mereka ingini atau menjualkannya kepada penduduk kampung yang berhampiran. Alat penangkapan ikan yang digunakan adalah tradisional seperti sampan kolek, pancing dan jala. Biasanya mereka menangkap ikan di kawasan pinggir pantai atau di muara sungai. Walau bagaimanapun keadaan ini mulai berubah sedikit demi sedikit terutamanya selepas tahun 1920. Aktiviti menangkap ikan yang dijalankan secara kecil-kecilan bertukar menjadi satu perusahaan yang besar. Bot-bot besar yang menggunakan kuasa injin digunakan untuk menggantikan sampan. Faktor ini membolehkan nelayan belajar lebih jauh ke tengah laut untuk mendapatkan tangkapan yang lebih banyak. Kemajuan dalam bidang penangkapan ikan ini menyebabkan wujudnya perusahaan sampingan yang berasaskan ikan seperti membuat ikan kering, keropok, belacan dan budu. Aktiviti ini selalunya dijalankan oleh kaum wanita dan menjadi satu sumber pendapatan yang lumayan.

Perubahan Kerteh dari sebuah perkampungan nelayan yang sepi mula berubah apabila projek pembangunan dilakukan. Industri petroleum yang didirikan di kawasan ini telah menggantikan hutan



paya, getah dan kelapa sebelumnya. Bekalan elektrik telah disalurkan selama 24 jam. Bekalan air paip juga disediakan. Perkhidmatan telefon awam juga disediakan dan ada di kalangan responden telah mendapatkan kemudahan telefon di rumah.

Hasil penemuan minyak dan kewujudan industri berasaskan petroleum ini, kemungkinan besar akan wujud masyarakat majmuk di Kerteh dan menjadi pusat penghijrahan untuk mereka yang ingin menceburkan diri di bidang perindustrian petroleum.

### 3.3 Sistem Pentadbiran

Setiap kawasan yang mempunyai penduduk mesti mempunyai pemimpin. Kerteh diwakili oleh seorang wakil rakyat, seorang Penghulu dan Ketua Kampung. Kerteh mulai tahun 1957 hingga kini telah diwakili oleh 3 orang Wakil Rakyat iaitu:

1. Yang Berhormat Datuk Sulung Mahmud. Beliau memegang tempoh pemerintahan Kerteh mulai tahun 1957 hingga 1972 iaitu selama 3 penggal.
2. Yang Berhormat Datuk Wan Adnan Ismail. Memerintah dari tahun 1972 hingga tahun 1986.
3. Yang Berhormat Abu Bakar Ali. Beliau merupakan Wakil Rakyat yang baru saja dilantik mewakili Kerteh untuk penggal ini.

Penghulu, pada masa dahulu merupakan wakil Sultan dan menjalankan tugas mengikuti perintah Sultan. Walau bagaimanapun setelah kemerdekaan dicapai, Penghulu ini bertanggungjawab kepada Pegawai Daerah dan menjalankan tugas selari dengan arahan dari Pejabat Daerah. Meskipun begitu, perlantikan Penghulu masih memerlukan kelulusan Sultan. Selain dari menjalankan tugas-tugas pentadbiran, Penghulu bertindak sebagai orang tengah di antara rakyat dan kerajaan. Penghulu dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan maklum balas tentang reaksi penduduk kampung terhadap pembangunan yang telah dan yang akan dilaksanakan. Di samping itu Penghulu bertanggungjawab untuk menerangkan polisi-polisi kerajaan. Jawatan sebagai Penghulu mukim Kerteh pernah dipegang oleh seramai 5 orang iaitu:

1. Wan Abd. Hamid Ibrahim
2. Haji Busu Yok Raja
3. Haji Harun Ali
4. Hasbullah Cik Muda
5. Wan Dahalan Wan Muda

Semasa pengkaji menjalankan kajian, jawatan Penghulu disandang oleh Wan Dahalan Wan Muda.

Mengenai jawatan Ketua Kampung pula, seramai 3 orang pernah memegang jawatan ini. Ketua Kampung bertanggungjawab membantu tugas Penghulu. Mereka itu ialah:

1. Majid bin Umar



2. Haji Ali bin Ibrahim

3. Tawang bin Awang

Encik Tawang bin Awang merupakan Ketua Kampung yang baru dilantik untuk menggantikan Haji Ali bin Ibrahim bagi mewakili Kampung Pekan Kerteh.

### 3.4 Kemudahan Asas

#### (a) Infrastruktur dan Perkhidmatan Kenderaan Awam

Pekan Kerteh telah dilengkapi dengan sebuah jalan perhubungan yang baik yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan negeri-negeri di Pantai Timur. Jalan ini menjadi sibuk setelah wujudnya perindustrian petroleum di Kerteh. Setiap hari jalanraya ini dilalui oleh lori-lori kepunyaan Petronas untuk mengangkut minyak dan gas. Infrastruktur yang baik penting untuk memudahkan proses pembangunan dijalankan di satu-satu kawasan.

Bas merupakan alat pengangkutan yang paling popular kerana perkhidmatan yang disediakan murah dan mudah. Perkhidmatan bas yang disediakan meliputi kawasan Kemaman hingga ke Dungun. Perkhidmatan ini memudahkan penduduk pergi ke suatu tempat, terutama bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

#### (b) Elektrik

Setelah proses perindustrian petroleum berjalan lancar di Kerteh dan setelah proses rombakan semula kampung dibuat, penyaluran bekalan elektrik dilakukan secara menyeluruh. Hasil

kajian menunjukkan 100% penduduk kampung telah mendapat kemudahan bekalan elektrik. Kalau sebelumnya elektrik hanya disalurkan dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi kerana ketiadaan kuasa penjana elektrik yang besar tetapi setelah terbinanya penjana kuasa elektrik di Paka, penyaluran elektrik dapat dilakukan selama 24 jam. Dengan adanya kemudahan ini, penduduk kampung dapat menggunakannya untuk manfaat hidup. Anak-anak mudah mentelaah pelajaran di waktu malam dan ibu-ibu dapat menggunakan alat-alat elektrik untuk membantu memudahkan kerja-kerja di dapur. Oleh kerana pekan Kerteh terletak jauh dari pusat bandar dan tempat-tempat rekreasi jadi untuk mendapatkan kemudahan hiburan adalah terhad. Oleh yang demikian, penyaluran elektrik membolehkan penduduk kampung mendapatkan punca hiburan di rumah melalui televisyen.

(c) Air

Dari segi bekalan air paip pula, masih terdapat segelintir penduduk kampung yang mengamalkan penggunaan air telaga walaupun penyaluran air paip telah dibuat secara menyeluruh ke kampung. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 4 orang responden masih menggunakan air telaga untuk kegunaan sehari-hari. Bilangan ini hanya melibatkan 10% daripada jumlah keseluruhan dan ini menunjukkan satu bilangan yang kecil. Apabila diselidiki, responden yang masih menggunakan air telaga ini tinggal di rumah sewa, dan mereka tidak mempunyai hak untuk meminta bekalan air paip dari kerajaan. Walau bagaimanapun 90% daripada responden telah menggunakan bekalan air paip untuk kegunaan sehari-hari. Bekalan air paip secara tidak langsung telah menaikkan taraf kesihatan penduduk kampung.



(d) Kesihatan

Proses pemodenan dan taraf pendidikan yang semakin baik menyebabkan orang ramai mula menyedari kepentingan mempunyai tempat pembuangan najis yang lebih sistematik. Semasa kajian dijalankan keseluruhan penduduk kampung telah mempunyai sistem tandas yang sempurna iaitu sama ada secara sistem curah ataupun pam. Mengenai sistem pembuangan sampah, kebanyakan penduduk kampung masih lagi mengamalkan cara pembakaran. Ini ialah kerana kampung ini masih belum mendapat perkhidmatan pungutan sampah dari pihak Majlis Bandaran Kawasan. Sampah-sampah dikumpulkan di satu tempat dan dibakar untuk mengelakkan dari disepahkan oleh binatang. Pembakaran yang dibuat untuk mengelakkan dari pembiakan lalat. Taraf kebersihan di kampung ini adalah memuaskan.

Kerajaan telah membina pusat kesihatan terutamanya untuk kegunaan ibu-ibu mengandung mendapatkan rawatan awal, dan penyakit ringan yang mudah dirawat. Apabila ditimpa penyakit yang serius, pesakit akan dibawa ke Hospital Besar Kemaman atau Dungun untuk mendapatkan rawatan. Walau bagaimanapun terdapat 2 buah klinik swasta yang menjual perkhidmatan mereka. Klinik swasta ini terletak berhampiran dengan Kampung Kerteh ini dan diusahakan oleh seorang doktor berbangsa Melayu dan seorang lagi berbangsa India. Petronas juga ada menyediakan sebuah klinik yang terletak di sebelah Ibu Pejabat Petronas - Esso di Kemasik. Terdapat juga sebuah Pusat Kesihatan Haiwan yang terletak berhampiran dengan pejabat Penghulu.

(e) Telefon

Kerajaan telah menyediakan 2 buah pondok telefon awam iaitu sebuah terletak di Kampung Telaga Papan dan sebuah lagi di Kampung Gelugur. Semasa kajian dijalankan hanya telefon di Telaga Papan yang masih boleh digunakan sedangkan telefon di Kampung Gelugur telah mengalami kerosakan. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan seramai 12 orang responden telah menggunakan perkhidmatan telefon di rumah. Telefon merupakan alat perhubungan yang popular kerana dapat menghubungi seseorang dengan lebih cepat terutama dalam masa kecemasan. Dalam masyarakat moden, penggunaan telefon amat dipentingkan.

(f) Agama

Surau dan masjid juga merupakan kemudahan asas yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk kegunaan penduduk kampung. Ia dijadikan sebagai tempat berkumpul terutamanya semasa upacara keagamaan dijalankan di samping tujuan khasnya sebagai tempat untuk melakukan amal ibadat kepada Allah S.W.T. Masjid Kerteh dibina di tepi jalanraya utama. Masjid ini sering dijadikan sebagai tempat persinggahan oleh orang yang sedang dalam perjalanan ke Pantai Timur atau ke Kuala Lumpur. Kebanyakan mereka berhenti di masjid untuk menunaikan sembahyang dan berehat sebelum meneruskan perjalanan. Masjid selain fungsinya sebagai pusat beribadat tetapi sebenarnya masjid melambangkan satu perpaduan dan keharmonian sesebuah masyarakat. Masjid yang dibina oleh kerajaan ini telah dibaiki



semula oleh pihak Petronas sebagai gantirugi terhadap segala kerosakan kawasan penangkapan ikan penduduk kampung, akibat pembinaan 'supply base' di lautan.

(g) Kemudahan Sekolah

Terdapat 2 buah sekolah di pekan Kerteh. Sebuah ialah sekolah menengah dan sebuah lagi ialah sekolah rendah. Kedua-duanya terletak bersebelahan antara satu sama lain. Kedua-dua sekolah ini dibiayai oleh kerajaan sepenuhnya. Untuk memudahkan anak-anak ke sekolah, pihak Petronas telah menghadiahkan sebuah bas sekolah untuk kemudahan anak-anak di pekan Kerteh. Selain daripada itu pihak Petronas telah memberikan bantuan untuk melengkapkan kemudahan pembelajaran untuk sekolah rendah dan menengah, di pekan Kerteh. Bantuan terutamanya dikhaskan untuk melengkapkan peralatan sains di makmal sekolah dan membeli alat-alat bantuan mengajar untuk sekolah rendah. Menurut Guru Besar kedua buah sekolah ini, pihak Petronas telah memberikan sumbangan yang besar untuk pembangunan sekolah. Selain daripada itu pihak Petronas juga telah mendirikan sebuah sekolah di Rantau Petronas. Pada mulanya sekolah ini dikhaskan untuk anak-anak kakitangan Petronas. Walau bagaimanapun setelah rundingan dibuat akhirnya sekolah ini dibuka juga kepada anak-anak penduduk kampung berdekatan. Maktab Rendah Sains Mara, Cawangan Negeri Terengganu diletakkan di Bandar Baru. Pada masa kini anak-anak lebih mudah untuk mendapatkan pendidikan formal di sekolah kerana sekolah telah disediakan di kawasan perkampungan mereka.

(h) Balairaya dan Tabika

Kerajaan telah menyediakan balairaya untuk digunakan sebagai tempat bermesyuarat membincangkan sesuatu hal yang bersangkutan paut dengan politik kampung. Balairaya ini terletak dalam kawasan Kampung Telaga Papan dan dibina berhampiran (menghadap) laut. Di samping itu kerajaan juga telah membina tabika untuk kanak-kanak mendapat pendidikan awal pra-sekolah. Tabika ini dilengkapi dengan taman permainan. Tujuan utamanya untuk membiasakan anak-anak dengan alam persekolahan. Selain dari itu perpustakaan desa juga disediakan di kampung ini. Perpustakaan ini dianjurkan oleh pihak KEMAS bertujuan untuk memupuk semangat membaca bagi meluaskan ilmu pengetahuan.

(i) Pejabat Pos dan Bank

Kampung ini telah dilengkapi dengan sebuah Pejabat Pos. Ia terletak bersebelahan dengan balairaya. Pejabat Pos ini memudahkan masyarakat untuk membayar bil elektrik dan air setiap bulan. Di samping itu ia memudahkan urusan surat menyurat serta pembelian setem. Perkhidmatan terpenting yang disediakan ialah perkhidmatan simpanan wang melalui Bank Simpanan Nasional yang diselenggarakan oleh pihak Pejabat Pos. Di samping ini ia juga menyediakan kemudahan untuk membuat pelaburan di Amanah Saham Nasional. Akibat pemodenan, masyarakat semakin menyedari kepentingan menyimpan wang di bank. Di Bandar Baru Kerteh menyediakan perkhidmatan bank yang lebih besar iaitu United Malayan Banking Company (UMBC). Hasil kajian menunjukkan bahawa hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka membuat



simpanan wang di bank dan institusi kewangan yang lebih terjamin keselamatannya.

(j) Kedai dan Restoran

Terdapat banyak kedai yang diusahakan oleh penduduk tempatan untuk kemudahan orang ramai mendapatkan bahan-bahan keperluan harian. Terdapat beberapa buah kedai runcit di dalam Kampung Pekan Kerteh ini. Kedai ini cukup untuk menampung permintaan orang ramai sehari-hari. Selain itu terdapat sebuah mini market yang diusahakan oleh anak tempatan di bawah anjuran Pernas Edar Sdn. Bhd. Hasil kajian menunjukkan terdapat 10 buah kedai runcit di Kampung Pekan Kerteh. 8 daripada kedai runcit ini diusahakan oleh orang Melayu dan 2 lagi diusahakan oleh orang berbangsa Cina. Terdapat 5 buah kedai makan/restoran dan terdapat sebuah kedai perabot dan kedai ini juga menjual barang-barang elektrik. Di samping itu kedai ini juga bertindak sebagai pengedar gas untuk seluruh kawasan pekan Kerteh. Pasar malam juga diadakan berhampiran dengan kawasan Bandar Baru pada setiap hari Selasa. Di sini terdapat berbagai-bagai jenis barang-barang termasuklah pakaian. Di Bandar Baru, terdapat berbagai-bagai jenis kedai yang menjual perkhidmatannya. Kedai-kedai itu termasuklah salon rambut, kedai video, menjual alat-alat sukan, kedai insuran dan berbagai jenis lagi. Setiap ruang kedai yang disediakan di sini dikehendaki menjual barang-barang yang berbeza, mengikut kata pegawai dari perbadanan memajukan iktisad negeri Terengganu yang bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal Bandar Baru. Dari tinjauan pengkaji,

sebelum perindustrian dibina di pekan Kerteh ini hanya terdapat 8 buah kedai runcit sahaja. Tetapi proses perindustrian telah menggalakkan berlakunya migrasi. Faktor ini telah membuka rezeki baru kepada golongan yang mempunyai modal untuk membuka kedai perniagaan. Pertambahan penduduk secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pertambahan dalam jumlah permintaan terhadap barang-barang keperluan.

(k) Keselamatan dan Polis

Untuk menjaga keamanan sebuah Pejabat Polis telah dibina di pekan Kerteh. Polis adalah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kesejahteraan hidup. Di samping itu polis bertanggungjawab membentaras penyalahgunaan dadah yang sering berlaku di kampung ini. Menurut bekas Penghulu pekan Kerteh, kejadian penyalahgunaan dadah memang ada berlaku tetapi tidak sampai ke tahap yang membimbangkan. Setakat ini pihak polis berjaya membentaras kes-kes mengenai dadah ini. Mengenai kejadian mencuri pula, menurut salah seorang responden kajian menyatakan bahawa rumah beliau pernah dimasuki pencuri sebelum proses perindustrian lagi. Menurutnyanya kemungkinan besar pencuri itu ialah penagih dadah yang terpaksa mencuri untuk mendapatkan dadah. Masa kini belum berlaku lagi kes-kes kecurian yang besar berlaku di Kampung Pekan Kerteh ini.

3.5 Latarbelakang Petronas dan Projek Perindustriannya

Petroleum Nasional Berhad [PETRONAS] telah direncanakan sebagai agen penting dalam perkembangan dan pembangunan industri



petroleum di Malaysia. Setelah penubuhannya dimaktubkan di Parlimen, Petronas telah diberi hak mutlak untuk memiliki minyak dan gas asli negara sama ada di daratan atau di lautan. Petronas juga mempunyai kuasa penuh untuk mencarigali dan mengeluarkan bahan-bahan tersebut di Malaysia. Petronas juga diberikan tugas dan tanggungjawab untuk memproses dan menapis minyak, mendirikan industri petrokimia, pasaran dan pengedaran bahan berasaskan petroleum. Dengan tertubuhnya Petronas bererti perancangan dari berbagai-bagai aspek industri petroleum dapat dikaitkan dengan perancangan kebangsaan supaya semua rakyat Malaysia dapat sama-sama menikmati hasil keuntungan bahan asli negara ini.

Untuk mempercepatkan usaha mencarigali minyak dan gas, Petronas telah menubuhkan anak syarikatnya iaitu Petronas Carigali Sdn. Bhd. pada 6 Ogos 1980. Petronas Carigali inilah yang telah memulakan program penggalian di luar pantai Terengganu dengan menenggelamkan telaga "appraisal" pertamanya di Lapangan Duyong. Projek ini telah siap keseluruhannya dan telah berjaya mengeluarkan minyak dan gas sejak beberapa tahun yang lalu. Projek perindustrian berasaskan petroleum merupakan satu-satunya projek perindustrian berat yang terbesar di negara ini. Antara projek perindustrian yang telah dirancang dan telah berjaya mengeluarkan hasil iaitu:-

(a) Logi Penapisan Minyak Di Kerteh

Logi penapisan minyak ini mempunyai keluasan 163 ekar. Logi ini mampu untuk menapis minyak sebanyak 30,000 tong sehari. Logi ini memulakan operasinya pada 9 Mac 1983. Logi penapisan

minyak di Kerteh ini merupakan logi penapis minyak tempatan yang pertama di Malaysia. Ia dimiliki dan diuruskan oleh Petronas melalui anak syarikatnya 'Petronas Penapisan Sdn. Bhd.' Komplek logi penapis minyak ini dibina dengan belanja sebanyak \$260 juta. Logi ini juga memberikan bekalan kuasa kepada projek-projek petroleum lain yang berhampiran. Pembinaan logi ini penting untuk membantu pembangunan kawasan setempat kerana dengan pembinaan logi ini segala kemudahan lain turut disediakan seperti pelabuhan, Lapangan Terbang Kerteh, perumahan dan projek pembangunan masyarakat setempat. Mengikut Menteri Besar negeri Terengganu, industri petroleum di Terengganu menjadi asas penggerak bagi mempercepat pembangunan dan perkembangan setempat di samping membawa masuk kemahiran teknologi dan kepakaran yang boleh memesatkan lagi perindustrian negara. Masa kini terdapat 3 buah logi penapisan minyak di Malaysia kepunyaan syarikat asing iaitu 2 buah kepunyaan Syarikat SHELL dan sebuah lagi kepunyaan ESSO.

(b) Terminal Minyak Mentah

Terminal ini meliputi kawasan seluas 213 ekar. Mula beroperasi sepenuhnya pada November 1983. Terminal ini mempunyai 4 buah tangki simpanan dan setiap tangki berkeupayaan menyimpan sebanyak 500,000 tong. Terminal ini diuruskan bersama oleh pihak Petronas dan Syarikat ESSO Production Malaysia Incorporation (EMPI).



(c) Logi Memproses Gas

Logi ini meliputi kawasan seluas 225 ekar. Berkeupayaan mengeluarkan 250 juta kaki padu gas sehari. Logi ini telah memulakan operasinya yang pertama pada April 1984. Gas-gas ini disalurkan melalui paip-paip kepada Lembaga Letrik Negara di Paka, HICOM dan Terminal Eksport. Sistem pengedaran gas juga disalurkan ke kawasan perumahan dan Bandar Baru Kerteh.

(d) Terminal Eksport

Terminal eksport mengandungi 2 buah unit tangki 'butana' dan 2 buah tangki 'propana'. Terminal ini memulakan operasinya pada 3 Julai 1985.

Pusat pembekalan petroleum yang terletak di Tanjung Berhala, Kemaman telah dimulakan pembinaannya sejak tahun 1978 lagi. Ianya dianggarkan menelan belanja sebanyak \$200 juta. Pusat pendaratan gas pula dianggarkan melibatkan pelaburan sebanyak \$200 juta. Kerana sebab-sebab tertentu, kos pembinaannya telah meningkat dari masa ke semasa. Kedua buah projek ini telah siap sepenuhnya dan telah memulakan operasinya mulai tahun 1983. Kerja-kerja penyelenggaraan pembinaan pusat pembekalan (supply base) dikendalikan sepenuhnya oleh kontraktor dari Jepun yang mengendalikan kerja pembinaan di lautan. Projek pembinaan di darat seperti pembinaan bangunan pejabat, rumah, gudang terbuka dan tertutup, tangki minyak dan lain-lain dikendalikan oleh 'Pernas Construction'. Rantau Petronas pula mengandungi sekolah, klinik,

komplek sukan dan Ibu Pejabat Petronas dan ESSO.

Pembinaan kawasan perindustrian petroleum di Kerteh oleh Petronas dengan kerjasama Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu ini telah melibatkan pelaburan sebanyak \$1,500 juta. 'Rantau Petronas' mengandungi tidak kurang dari 1,000 unit rumah dari berbagai kategori untuk kemudahan pekerjaanya dan Komplek Pejabat Petronas Carigali dan ESSO Production Incorporation pula mengandungi 400 unit rumah mewah untuk para pegawainya.

Selain daripada projek-projek utama di atas, terdapat berbagai jenis projek sampingan yang berkaitan dengan petroleum dan menjadi industri sokongan kepada projek-projek utama. Antara projek yang telah dirancang dan telah beroperasi ialah:-

1. Stesen Janakuasa PAKA (LLN)
2. Kilang Besi Waja HICOM (PERWAJA)
3. Pengkalan Bekalan (Tanjung Berhala)
4. Lapangan Terbang Kerteh
5. Bandar Baru Kerteh
6. Komplek Perumahan Rantau Petronas

Projek-projek ini telah banyak memberi faedah kepada penduduk setempat terutamanya dari segi peluang mendapatkan pekerjaan. Kini dianggarkan 45% jumlah pekerja logi penapisan minyak terdiri dari rakyat negeri Terengganu.



Walaupun Petronas telah diberikan kuasa untuk mengeksplorasi minyak dan gas di luar pantai Semenanjung Malaysia tetapi akibat kekurangan teknologi yang tinggi untuk menjalankan aktiviti mencarigali di lautan menyebabkan 'perjanjian perkongsian pengeluaran' telah ditandatangani oleh pihak Petronas dengan kontraktor asing untuk tujuan eksplorasi. Kontraktor yang terlibat ialah:-

1. Taiyo Malaysia Oil Development Co. Ltd.
2. Japex
3. Malaysia Baram Oil Development Co. Ltd.
4. Phoenix Resources Co.
5. Sun Malaysia
6. Champlin Malaysia

Projek Gas Duyong merupakan projek yang terulung dalam usaha Petronas mencarigali gas di luar pantai Terengganu. Lokasinya meliputi kawasan sejauh 200 km dari pantai. Gas-gas yang diperolehi disalurkan ke daratan melalui paip dan dibawa terus ke terminal gas di Kerteh. Setelah menjalani aspek pemerosesan di sini, gas-gas ini akan dihantar ke kawasan perindustrian di Terengganu dan Malaysia keseluruhannya.

### 3.6 Proses Perpindahan

Sebenarnya proses perpindahan yang dimaksudkan oleh pengkaji di kawasan kajian ini tidak melibatkan ruang yang berbeza. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pengkaji di awal penulisan,

tanah yang diduduki oleh penduduk kampung ini adalah milik kerajaan sepenuhnya. Untuk menyelaraskan dengan arus pembangunan yang dibawa oleh Petronas dan untuk memberi imej baru kepada pekan Kerteh sebagai kawasan perusahaan petroleum maka kerajaan pusat mengambil inisiatif untuk menyusun semula keadaan kampung supaya menjadi lebih teratur dan mencerminkan sebuah perkampungan moden. Kerajaan telah mengambil langkah mengagih-agihkan semula tanah kepada beberapa buah rumah yang diduduki iaitu 1 lot yang berukuran 60 x 80 kaki persegi. Setelah mendapat hak tanah masing-masing, setiap rumah dikehendaki merombak semula kedudukan rumah supaya terletak di atas lot tanah masing-masing. Di samping mendapat hakmilik tanah, kerajaan juga telah membayar gantirugi kepada setiap buah rumah yang terpaksa dirombak semula. Semasa kajian dijalankan, proses rombakan dan perpindahan telah siap hampir 90%. Setelah proses ini dijalankan, kampung ini telah dibekalkan dengan segala kemudahan infrastruktur supaya penduduk kampung dapat bersama-sama menikmati yang sedang berjalan pesat di Kerteh.

Gantirugi yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada penduduk kampung yang terlibat adalah didasarkan kepada keluasan rumah sebelumnya, jenis kayu yang digunakan, jenis bumbung dan lama masa ia dibina. Jika rumah itu dibina dengan batu maka gantirugi yang diperolehi adalah tinggi, kerana bahan-bahan ini tidak boleh digunakan kembali untuk pembinaan rumah yang baru. Begitu juga jika rumah yang terlibat terlalu usang, ia juga dipertimbangkan untuk mendapat gantirugi yang lebih kerana bahan-bahan yang ada sudah lapuk dan tidak boleh digunakan semula. Gantirugi juga



diberikan ke atas setiap pokok kelapa yang dipunyai oleh setiap rumah. Setiap batang kelapa yang ditebang mendapat bayaran antara \$25 - \$30.

Jadual 1 menunjukkan kadar gantirugi yang diperolehi oleh setiap buah rumah kajian. Kadar gantirugi yang diperolehi ini tidak termasuk bayaran gantirugi ke atas pokok kelapa. Setiap gantirugi yang diperolehi akan ditolak sebanyak \$2,000 untuk bayaran lot tanah yang diperolehi kepada pihak kerajaan.

Jadual 1: Kadar Bayaran Gantirugi dan Bilangan Yang Menerima Kadar Itu

Nilai	Bilangan	Peratus
0 - 3,000	5	16.129
3,001 - 6,000	5	16.129
6,001 - 9,000	14	45.16
9,001 - 12,000	2	6.452
12,001 - 15,000	2	6.452
15,001 - 18,000	-	-
18,001 - 21,000	1	3.226
21,001 - 24,000	1	3.226
24,001 - 27,000	-	-
27,001 - 30,000	1	3.266
JUMLAH	31	100%

Daripada kajian mendapati bahawa 9 orang tidak terlibat dalam pembahagian lot dan gantirugi daripada pihak kerajaan. Ini adalah kerana tanah yang mereka duduki adalah milik persendirian dan mempunyai 'geran' serta tidak terlibat dalam proses perombakan semula kampung. Mereka yang terlibat ialah seramai 5 orang. Seramai 4 orang responden lagi tidak terlibat kerana mereka ini ialah golongan penyewa yang menyewa rumah daripada penduduk kampung yang mempunyai rumah lebih daripada sebuah. Mereka ini tidak tahu menahu mengenai gantirugi tersebut.

Daripada jadual di atas, gantirugi yang diperolehi oleh setiap buah rumah yang terlibat ialah di antara \$0 - \$9,000 iaitu sebanyak 77.5% daripada jumlah keseluruhan. Walaupun kadar gantirugi yang mereka perolehi kecil iaitu tidak mencukupi untuk membina sebuah rumah yang baru tetapi responden kajian mengatakan mereka berpuashati dengan kadar itu kerana telah diberikan hakmilik ke atas tanah yang mereka duduki.

Walau bagaimanapun ada juga responden yang menyatakan rasa tidak puashatinya terhadap gantirugi yang diperolehi kerana nilai harga sekarang adalah jauh bezanya dengan dahulu. Masa kini harga papan adalah lebih mahal dan papan-papan lama tidak boleh digunakan kerana sudah rosak. Selain daripada itu mereka juga menyatakan bahawa jika tidak mempunyai kemahiran, seseorang itu terpaksa mengupah orang lain untuk membina rumah. Ini menyebabkan kos pembinaan semakin tinggi. Walaupun begitu mereka tidak menafikan bahawa dengan adanya proses perpindahan ini mereka banyak memperolehi






Salah satu fasilitas pengolahan di Tanjung Portland - Menghasilkan pasir untuk pembangunan  
infrastruktur supply barer. Tanjung Portland - Generating the Tanjung Portland's coastline






Kompleks Pengeluaran Gas Duyong yang diusahakan oleh PETRONAS Carigali  
*The Duyong Gas Production Complex operated by PETRONAS Carigali*





Laji penapis minyak milik negara yang pertama di Kertih  
Malaysia's first nationally-owned refinery at Kertih

Kiri : Menara penyulingan Laji Penapis Minyak Terengganu  
Left : The fractionation towers of the Terengganu Refinery



BANDAR BARU KERTIH



## BAB IV

### LATARBELAKANG RESPONDEN

#### 4.1 Umur Responden

Data mengenai kategori umur responden didapati berdasarkan hasil kajian soalselidik oleh pengkaji. Pemilihan responden dibuat secara rambang berdasarkan rumahtangga yang terpilih sama ada lelaki atau perempuan. Hasil kajian mendapati tiada seorang responden pun yang didapati bercerai tetapi ada di antara responden yang menjadi bujang akibat kematian suami ataupun isteri. Jadual di bawah menunjukkan kategori umur di kalangan responden.

Jadual 2: Kategori Umur Responden

Umur	Bilangan	Peratus
21 - 30	8	20
31 - 40	12	30
41 - 50	13	32.5
51 - 60	5	12.5
61 - 70	1	2.5
71 - 80	1	2.5
JUMLAH	40	100

Daripada jadual di atas didapati bahawa sebilangan besar responden adalah tergolong dalam lingkungan umur 31 - 50 tahun, iaitu membawa sebanyak 62.5% daripada jumlah keseluruhan. Ini

diikuti pula oleh responden yang berumur di antara 21 - 30 tahun. Kebanyakan responden telah mendirikan rumahtangga dan mempunyai ahli keluarga sendiri.

#### 4.2 Taraf Pendidikan Responden

Ditinjau dari segi taraf pendidikan formal yang telah diperolehi oleh responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa taraf pendidikan formal yang didapati oleh responden kebanyakannya hanya di peringkat asas iaitu melibatkan sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan. Bagi responden yang masih muda kebanyakannya telah berjaya mencapai taraf pendidikan formal hingga ke peringkat menengah dan maktab. Jadual 3 menunjukkan taraf pendidikan formal responden. Daripada kajian mendapati bahawa seramai 18 orang responden telah mencapai taraf pendidikan formal hingga ke peringkat menengah dan 5% pula telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan dan Institusi Pengajian Tinggi yang lain.

Jadual 3: Taraf Pendidikan Formal Responden

Kelulusan	Bilangan	Peratus
Tidak Bersekolah	1	2.5
Sekolah Rendah	24	60
Sekolah Menengah	13	32.5
Maktab/Universiti	2	5
	40	100



Jadual 3 menunjukkan taraf pendidikan formal yang diterima oleh responden agak memuaskan. Kajian menunjukkan hanya 2.5% responden yang tidak pernah mendapat didikan formal di sekolah. Ini mungkin disebabkan faktor penghijrahan yang dilakukan oleh ibubapa responden iaitu beliau telah dibawa berhijrah daripada India ketika beliau masih kecil lagi. Akibat dari desakan hidup dan lain-lain faktor ekonomi menyebabkan beliau gagal mendapatkan pendidikan formal di sekolah. Jadual juga menunjukkan bahawa 97.5% merupakan bilangan responden yang tidak buta huruf. Faktor ini penting untuk melicinkan proses pembangunan yang akan dibawa ke kampung. Masyarakat yang tidak buta huruf lebih cepat dan mudah menerima perubahan dan pemodenan jika dibandingkan dengan masyarakat yang buta huruf.

Faktor ini juga telah menentukan bahawa ibubapa masa kini amat mementingkan pelajaran (pendidikan) formal kepada anak-anak sehingga peringkat yang lebih tinggi. Proses urbanisasi dan pemodenan di bidang media massa menyebabkan mereka berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka belajar supaya dapat merebut apa juga peluang yang dikemukakan oleh kerajaan. Ini juga ada kaitannya dengan kesedaran bahawa pelajaran penting untuk menjamin hidup di masa hadapan. Hasil dari kajian dan pemerhatian, pengkaji mendapati tiada anak-anak yang tidak bersekolah. Walau bagaimanapun terdapat 8 buah keluarga yang mempunyai anak-anak yang masih belum boleh bersekolah dan ada juga di antara anak-anak mereka yang telah menamatkan alam persekolahannya masing-masing. Jadual 4 menunjukkan peringkat persekolahan di kalangan anak-anak responden.

Jadual 4: Peringkat Persekolahan Anak-Anak Responden

Jenis Persekolahan	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	15	37.5
Sekolah Menengah	14	35
Maktab/Universiti	3	7.5
Belum/Tamat Persekolahan	8	20
JUMLAH	40	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa seramai 15 buah keluarga masih mempunyai anak-anak yang masih berada di bangku sekolah rendah iaitu melibatkan sebanyak 37.5%. 14 buah keluarga pula mempunyai anak yang masih belajar di peringkat sekolah menengah dan hanya 3 buah keluarga mempunyai anak yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi dan 20% responden pula mempunyai anak-anak yang masih belum layak bersekolah atau yang telah menamatkan persekolahan masing-masing. Ini menunjukkan bahawa proses pemodenan telah menyebabkan masyarakat lebih menyedari tentang kepentingan pendidikan formal untuk anak-anak. Mereka mula mengharapkan yang anak-anak mereka nanti akan berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Pelajaran difikirkan penting sebagai faktor yang boleh mengubah nasib seseorang dan pelajaran merupakan satu saluran mobiliti sosial rakyat untuk memperbaiki taraf kehidupan.

Seperti pendapat Agaton P. Pal dan Robert A. Polson, dalam kajiannya terhadap penduduk Filipina mengatakan:



"Higher education and higher income of a family head was usually translated into a higher style of living."<sup>21</sup>

#### 4.3 Jumlah Ahli Keluarga dan Bentuk Keluarga

Proses urbanisasi telah memberi kesan terhadap hubungan kekeluargaan. Bilangan ahli dalam keluarga juga telah turut berkurangan. Bentuk famili dan fungsi famili telah banyak berubah. Bentuk 'extended family' telah mula menunjukkan perubahan bilamana anak-anak telah berjaya mencari sumber pendapatan di luar keluarga dan anak-anak yang berkahwin lebih cenderung untuk membina tempat tinggal yang berasingan dari ibubapa mereka. Hasil kajian, pengkaji telah mendapati bahawa hanya 2.5% sahaja ahli dalam sesebuah keluarga melebihi dari 12 orang anggota. Majoriti responden mempunyai ahli keluarga seramai 3 ke 8 orang, iaitu melibatkan 31 unit keluarga dan membawa sebanyak 77.5% daripada jumlah keseluruhan. Responden yang dikaji kebanyakannya berpendapat bahawa saiz keluarga yang sederhana adalah yang paling 'ideal' di zaman moden ini.

Apa yang dimaksudkan dengan keluarga mengikut 'Dictionary of Anthropology' ialah satu bentuk institusi di mana terdapat ahli-ahli yang hidup bersama-sama. Terdapat beberapa bentuk keluarga yang berlainan dan menurut Judith Djamour dalam bukunya 'Kekeluargaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura' mengatakan

---

<sup>21</sup> Agaton P. Pal and Robert A. Polson, Rural People's Responses to Change, Dumaguete Trade Area, Philippines, New Day Publishers, m.s. 257.

bahawa keluarga asas biasanya terdiri daripada pasangan suami isteri dan anak-anaknya yang belum berkahwin dan tinggal bersama. 'Extended Family' pula mengandungi sepasang suami isteri, anak-anak serta suami atau isteri anak-anak mereka, dan cucu-cucu yang tinggal dalam sebuah rumah.

Selain daripada itu terdapat juga famili asas yang tandus iaitu salah seorang daripada ibubapa telah tiada lagi dan isi keluarga itu diketuai oleh balunya.

Kategori bentuk-bentuk keluarga yang disebutkan di atas adalah digunakan oleh pengkaji untuk melihat bentuk-bentuk keluarga yang terdapat dan diamalkan di kawasan kajian. Jadual 5 menunjukkan bentuk famili yang terdapat di kawasan kajian.

Jadual 5: Bentuk-Bentuk Keluarga

Bentuk Keluarga	Bilangan	Peratus
Keluarga Asas	28	70
'Extended Family'	9	22.5
Keluarga Asas Tandus	2	5
Lain-Lain	1	2.5
JUMLAH	40	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa bentuk keluarga yang utama terdapat di kalangan responden ialah bentuk keluarga asas iaitu melibatkan sebanyak 70% responden. Walau bagaimanapun



keluarga berbentuk 'extended' masih ada diamalkan walaupun tidak lagi meluas di mana sebanyak 9 unit keluarga masih lagi terlibat mengamalkannya. Selain daripada itu terdapat juga keluarga asas yang tandus iaitu hanya terdiri dari balu-baluan dan anak-anak sahaja. Hanya terdapat 1 unit keluarga yang tidak dapat dikategorikan dalam mana-mana bentuk keluarga iaitu keluarga ini terdiri dari seorang nenek dan cucunya sebagai pencari nafkah hidup sehari-hari.

Jadual 6 pula menunjukkan bilangan ahli dalam keluarga yang terdiri daripada anak-anak dan ibubapanya. Jadual menunjukkan responden tertarik dengan 'trend' untuk mempunyai ahli keluarga yang sederhana masa kini. Ini adalah kerana responden berpendapat, jika mereka mengalami masalah kewangan dan untuk mengurangkan tanggungan, mereka berpendapat adalah lebih baik jika mereka tidak mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai. Jika bilangan anak tidak ramai maka keperluan asas anak-anak seperti mendapatkan pelajaran yang secukupnya serta peluang untuk mengecapi kemewahan hidup dapat diberikan dengan sewajarnya. Jika mereka mempunyai bilangan anak yang ramai tentu ibubapa tidak dapat membekalkan keperluan yang cukup kepada anak-anak lebih-lebih lagi jika ibubapa mempunyai taraf ekonomi yang rendah. Ini tentu merupakan satu perkara yang buruk dan menjadi satu seksaan kepada anak-anak.

Daripada kajian terdapat seramai 121 orang ahli keluarga daripada 40 buah keluarga yang dikaji terdiri daripada lelaki dan 131 orang perempuan. Ini menunjukkan bahawa bilangan perempuan melebihi daripada bilangan lelaki kerana ramai di antara anak-anak

responden yang lelaki telah berhijrah ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Jadual 6: Bilangan Ahli Dalam Keluarga

Bilangan Ahli Keluarga	Bilangan	Peratus
0 - 2	2	5
3 - 5	13	32.5
6 - 8	18	45
9 - 11	6	5
12 - 14	1	2.5
JUMLAH	40	100

Walau bagaimanapun tidak semua bilangan ahli dalam keluarga terdiri daripada anak-anak responden sahaja. Terdapat juga ahli keluarga yang tinggal bersama keluarga yang dikaji bukan terdiri daripada anak-anak responden tetapi bilangannya adalah sedikit iaitu hanya seramai 21 orang dan tinggal bersama-sama dengan 11 unit keluarga kajian. Mereka ini terdiri daripada ibubapa responden, anak-anak saudara, nenek atau cucu responden.

Terdapat 49 orang anak-anak responden dari 20 unit keluarga telah pun bekerja. Mereka yang belum berkahwin tinggal bersama-sama ibubapa dan menjadi sumber menambahkan pendapatan keluarga. Bagi yang telah berkahwin telah membuat rumah baru yang berhampiran dengan rumah ibubapa mereka dan ada juga yang berhijrah mengikut suami masing-masing. Kebanyakan pasangan yang baru berkahwin



berpendapat dengan berpindah ke rumah baru dapat mengurangkan beban keluarga dan faktor terpenting ialah kerana mereka telah mempunyai sumber ekonomi yang kukuh dan mampu untuk hidup berdikari.

Kebanyakan penduduk di sini iaitu sebanyak 22 unit keluarga menyatakan mereka mempunyai talian persaudaraan dengan jiran-jiran mereka. Ini menunjukkan mereka lebih suka membina rumah berhampiran dengan ibubapa dan adik beradik mereka sejak dahulu lagi. Namun begitu akibat dari berlakunya proses perindustrian terdapat juga penduduk bukan tempatan yang tinggal di kampung dengan menyewa rumah dan ada juga yang telah bermastautin di kampung ini sejak sebelum adanya perindustrian lagi dan mewujudkan keluarga tersendiri. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan jiran-jiran mereka.

#### 4.4 Latarbelakang Tempat Asal Responden

Sebagaimana yang diterangkan di atas, kesan dari proses perindustrian telah menyebabkan penduduk kampung tidak hanya terdiri daripada penduduk asal sahaja tetapi kampung ini telah diduduki juga oleh penduduk yang datang berhijrah ke kampung ini. Jadual 7 menunjukkan data mengenai latarbelakang tempat asal responden kajian.

Dari Jadual 7 menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk yang berhijrah ke kampung ini berasal dari negeri Terengganu dan hanya berlainan daerah kecuali seorang responden yang disoalselidik

Jadual 7: Latarbelakang Tempat Asal Responden

Tempat Asal	Bilangan	Peratus
1. Penduduk Asal	26	65
2. Bukan Penduduk Asal		
(a) Kuala Terengganu	8	20
(b) Jajahan Kemaman	2	5
(c) Dungun	2	5
(d) Besut	1	2.5
(e) Negeri India	1	2.5
JUMLAH	40	100

berasal daripada negeri India. Kebanyakan yang berhijrah adalah kerana mengikut suami dan juga mengikut pekerjaan. Rata-rata responden menyatakan bahawa mereka telah tinggal di kampung ini melebihi dari 10 tahun. Faktor ini telah menjadikan mereka adalah sebahagian daripada penduduk tetap di kampung ini. Ini dibuktikan bahawa mereka hanya pulang ke kampung halaman mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja, itupun jika mereka masih mempunyai ibubapa di kampung asal mereka. Jika tidak mereka akan menghabiskan masa bersama-sama penduduk di tempat mereka bermastautin. Selain daripada itu taraf rumah yang mereka duduki jelas menunjukkan bahawa mereka telah lama tinggal di kampung ini. Daripada 40 buah rumahtangga yang dikaji hanya 4 unit keluarga (rumah) yang menyatakan bahawa taraf rumah yang mereka duduki ialah rumah sewa dan mereka merupakan penduduk yang baru berhijrah akibat berlakunya proses



perindustrian petroleum. Bakinya iaitu 36 unit lagi merupakan rumah sendiri dan rumah warisan iaitu membawa 90% daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 8: Taraf Rumah Yang Diduduki Oleh Responden

Taraf Rumah	Bilangan	Peratus
Rumah Sendiri	33	82.5
Rumah Warisan	3	7.5
Rumah Sewa	4	10
JUMLAH	40	100

Jadual membuktikan bahawa walaupun terdapat sebanyak 14 unit keluarga menyatakan bahawa mereka bukan merupakan penduduk asal kampung ini tetapi akibat dari lamanya mereka bermastautin di sini menyebabkan mereka berjaya membina rumah sendiri. Akibat dari pembahagian lot-lot tanah kepada setiap pemilik rumah oleh kerajaan menjadikan mereka seperti penduduk asal di kampung ini kerana sama-sama dapat menikmati hasil pembangunan yang dibawa ke kampung ini.

#### 4.5 Penglibatan Responden Di Dalam Kegiatan Berpersatuan

Akibat proses urbanisasi, penduduk kampung telah menyedari kepentingan kegiatan berpersatuan di kalangan penduduk. Di kampung ini terdapat berbagai-bagai persatuan sukarela, badan-badan kerjasama dan parti-parti politik. Antara persatuan yang terdapat ialah Persatuan Nelayan, Pertubuhan Politik, Jawatankuasa Kemajuan

Kampung, Persatuan Belia dan lain-lain lagi. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada seorangpun responden yang tidak melibatkan diri di dalam mana-mana pertubuhan. Ini merupakan salah satu daripada kesan urbanisasi iaitu persatuan penting untuk menyuarakan pendapat kerana mengikut Wirth,<sup>22</sup> akibat urbanisasi dan industrialisasi menyebabkan peranan individu tidak lagi penting dan ini digantikan oleh kegiatan persatuan-persatuan tertentu. Persatuan ini terutamanya Persatuan Belia dan Nelayan begitu aktif sebelum proses perindustrian lagi. Walau bagaimanapun akibat berlakunya penghijrahan penduduk kampung terutamanya para belia ke bandar menyebabkan persatuan ini menjadi kurang aktif dan mengalami zaman kemerosotannya. Begitu juga dengan Persatuan Nelayan, keahliannya semakin berkurangan kerana ramai penduduk yang telah mengalih pekerjaan mereka ke bidang ekonomi bukan pertanian. Penduduk kampung ini sebenarnya amat menyedari tentang kepentingan mereka berpersatuan, misalnya dengan memasuki Persatuan Nelayan, mereka boleh mendapatkan bantuan dan kemudahan-kemudahan mendapatkan subsidi pukut dan bantuan enjin motor. Bagi mereka yang tidak melibatkan diri dalam persatuan tidak akan dapat apa-apa kemudahan yang disediakan untuk ahli.

Bagi yang bergiat cergas dalam politik selalunya akan mendapat keistimewaan yang lebih daripada orang lain. Misalnya mengikut pendapat penduduk kampung ini, dalam proses pembahagian

---

<sup>22</sup> Louis Wirth, Urbanism as a Way of Life, Paul K. Hatt and Albert J. Reiss J.R. (eds.), Cities and Society. The Revised Reader in Urban Sociology, Free Press, New York, 1957.



lot-lot tanah. Walaupun pada perjanjiannya tanah-tanah akan diberi samarata kepada semua penduduk iaitu mengikut bilangan rumah yang ada oleh setiap orang. Walau bagaimanapun masih berlaku juga ketidakadilan di mana seorang yang mempunyai pengaruh dalam bidang politik dan mempunyai hubungan baik dengan Wakil Rakyat telah mendapat bahagian yang lebih di mana 'reban ayam' kepunyaannya juga telah diberikan 1 lot tanah untuknya. Begitu juga di dalam soal pembayaran gantirugi, di mana orang-orang yang mempunyai pengaruh serta mempunyai kedudukan ekonomi yang baik telah berjaya mendapatkan pembayaran gantirugi yang lumayan. Ada di antara mereka yang berjaya mendapatkan gantirugi sehingga \$30,000 untuk sebuah rumah. Walaupun pembayaran dibuat mengikut besar rumah, jenis bahan yang digunakan, lama usia rumah serta lain-lain faktor yang berkaitan tetapi mengikut salah seorang responden yang disoalselidik, menyatakan walaupun rumah mereka besar tetapi mendapat bayaran gantirugi yang sedikit iaitu kurang dari \$10,000 sebuah. Ini menunjukkan berlaku penyelewengan dalam pembahagian gantirugi. Hanya segelintir daripada penduduk yang memasuki persatuan dan bergiat cergas dalam politik mendapat manfaat yang lebih hasil dari perpindahan semula. Ada di antara penduduk yang menggunakan persatuan untuk menjaga kepentingan diri sendiri dan mendapatkan pengaruh.

Ahli Jawatankuass Kemajuan Kampung pula ditubuhkan untuk digunakan sebagai badan penyuara untuk mengatasi sesuatu masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung kepada pihak yang lebih berkuasa lagi. Masalah yang timbul terutamanya berkisar kepada masalah

perpindahan dan pembahagian tanah kepada lot-lot untuk setiap buah rumah yang didirikan sebelumnya.

Jadual 9 menunjukkan jumlah penglibatan responden di dalam kegiatan berpersatuan.

Jadual 9: Penglibatan Responden Dalam Persatuan

Persatuan	Bilangan	Memegang Jawatan	Ahli Biasa
Parti Politik	40/40	6	34
Jawatankuasa Kemajuan Kampung	4/40	4	-
Persatuan Nelayan	6/40	2	4
PIBG Sekolah	3/40	3	-
AJK Masjid	2/40	2	-
Syarikat Kerjasama	1/40	-	1

Oleh kerana kampung ini dikatakan sebagai sebagai benteng kuat UMNO, didapati bahawa 100% penduduk terlibat dalam persatuan politik iaitu sebagai pengundi berdaftar. Seramai 6 orang ahli yang benar-benar bergiat dalam arena politik ini. Minat terhadap kegiatan berpolitik di kalangan penduduk kampung adalah disebabkan mereka tidak mahu ketinggalan dalam setiap projek yang dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk mereka menikmati bersama-sama.

Mengenai PIBG atau Persatuan Ibubapa dan Guru ini, walaupun pada amnya ibubapa adalah secara otomatis menjadi ahli PIBG ini jika anak-anak mereka bersekolah tetapi kelihatannya



responden kurang aktif dalam persatuan PIBG ini. Mereka telah menyerahkan sepenuh kepercayaan mereka kepada para guru untuk mendidik mereka (anak-anak). Ibubapa hanya akan datang untuk bermesyuarat jika didesak oleh anak-anak. Hanya 3 orang responden yang melibatkan diri secara langsung dengan PIBG ini iaitu bekas Penghulu Kampung yang menjawat jawatan sebagai pemeriksa kira-kira di Sekolah Menengah Kemasik. Seorang kerani Sekolah Kebangsaan Kerteh yang memegang jawatan sebagai setiausaha dan seorang lagi sebagai bendahari dalam persatuan PIBG ini. Ini menunjukkan soal-soal pendidikan formal kepada anak-anak tetapi sikap tidak mengambil berat tentang persekolahan anak-anak menyebabkan ramai di antara mereka hanya berjaya setakat taraf SRP dan SPM sahaja. Ibubapa hanya menyerahkan bulat-bulat tugas mendidik anak-anak mereka kepada guru dan ini merupakan satu kesilapan yang besar yang patut disedari oleh ibubapa untuk memastikan anak-anak mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Hasil penyertaan pengkaji selama sebulan mendapati bahawa rata-rata responden kajian membiarkan anak-anak bermain tanpa had masa atau membiarkan anak-anak menonton televisyen tanpa sekatan. Faktor ini menyebabkan anak-anak malas untuk mengulangkaji pelajarannya dan menyebabkan kemerosotan dalam bidang pelajarannya.

Walau bagaimanapun tidak ramai di antara penduduk yang memasuki persatuan atau syarikat kerjasama. Daripada 40 unit keluarga yang dikaji hanya seorang sahaja yang melibatkan diri menjadi ahli syarikat kerjasama. Bilangan ini merupakan jumlah

yang kecil. Faktor ini mungkin kerana ada di antara responden yang kurang memahami konsep syarikat kerjasama jadi responden mungkin tidak dapat memberikan jawapan yang tepat tentang keahlian mereka.



## BAB V

### PERUBAHAN SOSIAL DARI BERBAGAI ASPEK

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan bentuk-bentuk perubahan sosial yang berlaku akibat dari proses perindustrian petroleum di Kerteh. Perubahan yang berlaku ditinjau dari berbagai-bagai aspek iaitu sosial, ekonomi dan politik. Aspek sosial meliputi kajian tentang perubahan dalam sistem kekeluargaan, hubungan kemasyarakatan, agama, sikap dan nilai. Aspek ekonomi meliputi perubahan yang berlaku di bidang pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan dan pemilikan harta. Aspek politiknya, pengkaji cuba melihat perubahan dari segi kepimpinan dan konflik yang berlaku.

#### 5.2 Kesan Terhadap Kekeluargaan dan Hubungan Kemasyarakatan

##### (a) Sistem Kekeluargaan

Keluarga merupakan unit sosial yang paling asas untuk pembentukan sebuah masyarakat. Pembentukan keluarga berpunca dari 3 faktor iaitu:-

- i. Perkahwinan
- ii. Hubungan Darah
- iii. Angkat

Akibat dari pengaruh modenisasi yang kuat, menyebabkan masyarakat di kampung ini lebih cenderung untuk membentuk unit keluarga asas

sahaja. Bentuk 'extended family' yang dahulunya merupakan ciri keluarga yang utama telah mengalami perubahan. Walaupun bentuk keluarga 'extended' masih diamalkan di kampung ini tetapi bilangannya terlalu kecil iaitu 22.5%. Hasil kajian menunjukkan, keluarga 'extended' yang diamalkan di sini hanya melibatkan penjagaan ibu atau bapa yang sudah tua.

Anak-anak yang berkahwin, cuba mencari kawasan penempatan yang baru sama ada berhampiran dengan keluarga ataupun di luar dari kelompok keluarga. Ini menyebabkan timbulnya satu pola tempat tinggal yang baru iaitu dikenali sebagai 'neolocal'. Masyarakat yang mula diresapi oleh unsur-unsur modenisasi dikata lebih suka hidup bebas dari lingkungan kuasa ibubapa atau mertua. Walau bagaimanapun faktor utama pasangan baru berkahwin cenderung membentuk tempat tinggal yang baru kerana adanya asas ekonomi yang kukuh di luar keluarga. Faktor ini menyebabkan mereka tidak perlu lagi bergantung kepada unit keluarga untuk mencari penghidupan.

(b) Ekonomi

Faktor ekonomi mempunyai kaitan yang rapat dengan saiz keluarga. Keluarga yang wujud di kawasan yang mengalami proses perindustrian dan urbanisasi merupakan unit-unit pengguna. Bagi masyarakat desa yang belum mengalami arus pemodenan, keluarga adalah merupakan unit-unit pengeluar dan pengguna. Oleh kerana pekerjaan di sektor 'formal' tidak memerlukan tenaga anak-anak untuk membantu bagi tujuan menambahkan pendapatan, pembesaran



unit sebuah keluarga hanya akan meninggikan lagi kos sara hidup seseorang keluarga di kawasan perindustrian.

Bagi pekerjaan di sektor 'informal' terutamanya di bidang pertanian, tenaga dalam unit keluarga diperlukan untuk membantu menambahkan pengeluaran. Proses perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan fungsi keluarga dari aspek ekonomi telah berubah. Anak-anak tidak lagi terikat dengan keluarga untuk mencari sumber pendapatan, kerana proses perindustrian telah membuka banyak peluang pekerjaan. Anak-anak yang telah bekerja ini memberi sumbangan ekonomi kepada keluarga. Ini menolong menambahkan pendapatan keluarga.

(c) Hubungan Sosial dan Kemasyarakatan

Proses modenisasi menyebabkan hubungan kekeluargaan semakin renggang. Anak-anak yang telah bekerja banyak menghabiskan masa di luar rumah dan peluang untuk menjalin kemesraan dengan anggota keluarga adalah terhad. Kelonggaran hubungan kekeluargaan ini merupakan 'social cost' yang mesti dihadapi oleh masyarakat yang mengalami proses perindustrian dan urbanisasi.

Kegiatan sosial dan hubungan kemasyarakatan juga telah menampakkan pola-pola 'disintegrative'. Semangat kerjasama di antara ahli-ahli komuniti mula berubah. Sikap individualistik mulai tertanam di kalangan individu walaupun belum sampai ke peringkat yang 'extreme'. Hasil kajian menunjukkan hanya 65% saja yang pernah melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong ketika ini.

Data di bawah menunjukkan penglibatan responden di dalam kegiatan gotong-royong dahulu dan sekarang.

Jadual 10: Penglibatan Responden Dalam Kegiatan Gotong-Royong Dahulu dan Sekarang

	Dahulu	%	Sekarang	%
Pernah Libatkan Diri	36	90	26	65
Tidak Libatkan Diri	4	10	14	35
JUMLAH	40	100	40	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa semangat gotong-royong mulai merosot, buktinya sebanyak 35% tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong ketika ini, iaitu selepas wujudnya industri di Kerteh berbanding dengan hanya 10% sebelumnya. Akibat pengaruh wang menyebabkan setiap kerja yang dibuat mengharapakan imbalan atau upah untuk penat lelah yang dicurahkan. Faktor ini menyebabkan kegiatan sosial ini merosot dari masa ke semasa. Akhirnya sikap individualistik mendapat tempat di kalangan masyarakat yang sedang mengalami arus modenisasi. Oleh kerana proses pemodenan tidak seimbang dengan daya asimilasi mereka yang kebanyakannya terdiri dari golongan bawahan yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah, menyebabkan tindakbalas yang diambil lebih merupakan peniruan dan ikut-ikutan sahaja. Mereka menganggap bahawa dengan kemasukan unsur pemodenan, mereka sepatutnya mengubah cara hidup sesuai dengan pemodenan yang sedang mereka alami.



Faktor ini menyebabkan beberapa aktiviti lama (tradisi) mengalami 'dilema' misalnya aktiviti 'bertandang' yang kebiasaannya dilakukan oleh kaum wanita. Sebenarnya, aktiviti ini mempunyai tujuan untuk mempereratkan hubungan antara jiran tetangga. Dengan perbuatan menziarahi antara satu sama lain ini akan dapat membangkitkan semangat kekitaan di antara mereka. Malangnya akibat kemasukan idea-idea dari bandar menyebabkan mereka lebih suka menyendiri dan menghabiskan masa lapang dengan menonton televisyen di rumah. Kegiatan ziarah menziarahi tidak lagi dilakukan dengan kerapnya kerana kegiatan ini dikatakan akan mengganggu masa rehat jiran tetangga dan menimbulkan sikap suka menjaga 'tepi kain orang lain'. Hasil dari pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, aktiviti bertandang yang dilakukan ke rumah jiran-jiran kebiasaannya diselitkan dengan kegiatan ekonomi, iaitu berziarah sambil berniaga. Kalau dahulu kegiatan bertandang dilakukan untuk mengeratkan hubungan antara jiran sekampung tetapi akibat proses pemodenan yang kuat telah menyebabkan kegiatan ini diselitkan dengan kegiatan ekonomi bagi menambahkan sumber pendapatan keluarga.

Walau bagaimanapun, perhubungan sosial dan kemasyarakatan telah berubah begitu ketara dan meninggalkan kesan-kesan tertentu. Selain dari menyemai benih-benih individualistik, proses perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan perhubungan sosial yang dahulunya berbentuk "close unit" berubah menjadi "loose unit", akibat dari fenomena di atas. Ini terbukti dengan pupusnya aktiviti-aktiviti tradisi yang menjadi tunjang pembentukan masyarakat tradisi selama ini.

### 5.3 Perubahan Dari Segi Ekonomi

#### (a) Pekerjaan

Pembangunan sosio-ekonomi yang dijalankan oleh kerajaan dengan kerjasama PETRONAS telah berjaya membawa masuk idea perindustrian di Kerteh khasnya. Pembangunan ini telah menyebabkan berlakunya perubahan di dalam beberapa jenis pekerjaan penduduk di kampung ini. Sebelum proses perindustrian berlaku, pekerjaan utama penduduk kawasan kajian tertumpu kepada kegiatan menangkap ikan dan menjalankan industri secara kecil-kecilan membuat bahan-bahan makanan daripada ikan seperti budu, keropok dan ikan kering. Bahan-bahan ini dibuat daripada ikan-ikan kecil yang tidak mendapat tempat di pasaran.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka berpuashati dengan pekerjaan sebagai nelayan dan menegaskan bahawa pekerjaan sebagai nelayan masih boleh mendatangkan keuntungan. Hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan 47.5% responden menyatakan bahawa pekerjaan sebagai nelayan yang mereka warisi selama ini masih boleh memberikan hasil pulangan yang baik. Perasaan puashati ini timbul dari pekerjaan itu sendiri, iaitu pekerjaan sebagai seorang nelayan adalah bebas dan tidak dikongkong oleh mana-mana pihak. Masa untuk bekerja juga tidak dihadkan dan ditetapkan. Jika mereka ingin mendapatkan hasil tangkapan yang banyak, mereka sanggup bekerja selama 24 jam sehari dan berehat selepasnya. Ini kerana kegiatan menangkap ikan boleh dijalankan pada bila-bila masa sahaja. Selain daripada mendapat pulangan yang bersesuaian dengan daya usaha



mereka di laut, mereka juga menyatakan bahawa mereka merasa gembira dengan pekerjaan sebagai nelayan kerana dapat menikmati sajian ikan segar yang mereka bawa untuk dinikmati bersama keluarga.

Walau bagaimanapun, selepas penemuan minyak di luar pantai Terengganu, pekerjaan utama penduduk Kerteh sebagai nelayan mula menampakkan perubahan sedikit demi sedikit. Pembinaan 'supply base' telah memberikan kesan kepada kegiatan penangkapan ikan. Pembinaan benteng sejauh 850 batu telah menyebabkan berlakunya kekurangan dalam hasil tangkapan kerana pembinaan benteng ini mengurangkan jumlah ikan masuk ke kawasan pantai. Masa ini, untuk memperolehi hasil tangkapan yang lebih lumayan, para nelayan mesti pergi ke kawasan laut dalam.

Menurut seorang responden yang begitu lama menimba pengalaman sebagai nelayan menyatakan bahawa sebelum kemasukan industri petroleum di Kerteh, kumpulan ikan yang bergerak di laut dapat kelihatan di waktu malam kerana mata ikan menimbulkan cahaya. Ini memudahkan nelayan menangkap kumpulan ikan ini di waktu malam. Kalau sebelumnya para nelayan lelaki suka menangkap ikan di waktu malam tetapi selepas terbinanya logi penapisan minyak dan gas yang menimbulkan cahaya hasil pembakaran gas menyebabkan aktiviti menangkap ikan di waktu malam tidak dijalankan dengan giatnya kerana tiada perbezaan menangkap ikan di antara waktu siang dan malam.

Faktor kemasukan industri petroleum menjadi daya penarik yang kuat kepada penduduk kampung ini untuk mengubah bentuk pekerjaan asas mereka di samping faktor di atas. Walau bagaimanapun kerja-kerja yang berjaya mereka perolehi hanya sebagai buruh kasar, pemandu dan kerja am yang lain yang bersesuaian dengan kelayakan yang ada pada mereka. Walaupun ada sebilangan penduduk yang mengubah corak pekerjaan mereka selepas wujudnya industri tetapi sebanyak 47.5% responden yang ditemubual menyatakan bahawa pekerjaan sebagai seorang nelayan masih boleh mendatangkan keuntungan dan menjadi satu pekerjaan yang tidak dapat ditukar ganti dan menjadi warisan yang patut dikekalkan. Walau bagaimanapun mereka yang memberi pendapat di atas tidak semuanya terdiri dari nelayan tetapi yang bekerja di sektor lain juga memberi pendapat yang serupa.

Bagaimanapun terdapat perbezaan yang jelas terhadap jenis-jenis pekerjaan dahulu dan sekarang. Sebelum kemasukan industri petroleum, 28.95% responden yang disoalselidik melibatkan diri dalam aktiviti menangkap ikan. Setelah berlaku perkembangan dalam sektor perindustrian khasnya pekerjaan sebagai buruh, menyebabkan berlakunya kemerosotan pekerjaan sebagai nelayan. Peratusannya menurun sebanyak 16.45% jika dibandingkan antara dahulu dan sekarang. Jadual 11 menunjukkan jenis-jenis pekerjaan dahulu dan sekarang\*, bagi responden yang disoalselidik. Didapati bahawa peratusan bagi pekerjaan sebagai buruh industri telah meningkat dari 23.68% kepada 30% sekarang. Peningkatan peratusan ke atas pekerjaan sebagai buruh adalah akibat kejatuhan peratusan dalam pekerjaan nelayan. Ini menunjukkan tanda-tanda bahawa



kemasukan industri di Kerteh, telah menyebabkan berlaku perubahan terhadap pekerjaan tradisional mereka sebagai nelayan.

Jadual 11: Pekerjaan Responden Dahulu\* dan Sekarang\*

Jenis Pekerjaan	Dahulu		Sekarang	
	Bil.	%	Bil.	%
Nelayan	11	28.95	5	12.5
Peniaga dan Pemborong	6	15.79	10	25
Guru	4	10.53	5	12.5
Buruh dan Pemandu	9	23.68	12	30
Polis/Posman	2	5.27	-	-
Juruteknik	-	-	2	5
Kerani	2	5.27	3	7.5
Penghulu	1	2.63	-	-
Suri Rumah	3	7.89	3	7.5
JUMLAH	38	100	40	100

\*Dahulu - Sebelum penemuan petroleum dan kedatangan Petronas

\*Sekarang - Selepas kedatangan Petronas 1981

Peraturan bagi pekerjaan yang memerlukan kelulusan akademik dan kelayakan tertentu tidak berubah. Ini kerana para responden yang mengubah pekerjaan asas mereka tidak mempunyai taraf kelulusan akademik yang khusus untuk membolehkan mereka menjawat jawatan yang besar dan penting dalam industri ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 60% responden yang disoalselidik hanya memiliki

kelulusan Darjah 6. Faktor di atas menyebabkan perubahan jenis pekerjaan hanya tertumpu kepada pekerjaan yang tidak mewajibkan kelulusan akademik sebagai syarat yang khusus.

Daripada 40 orang responden yang ditemubual hanya 2 orang sahaja yang mengubah pekerjaan asal mereka sebagai nelayan kepada bidang yang lebih mencabar iaitu sebagai peniaga. Tetapi jika dianalisa secara krisis, menceburi bidang perniagaan tidak menjadi satu masalah di kawasan kajian kerana tempat ini jauh dari pusat bandar atau pekan untuk tujuan membeli belah dan untuk mendapatkan barang-barang keperluan harian.

Walaupun pekerjaan nelayan masih dipercayai boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan tetapi bagi generasi muda, mereka kebanyakannya tidak cenderung untuk meneruskan dan mewarisi pekerjaan sebagai nelayan. Mereka lebih cenderung untuk mencari pekerjaan di luar bidang nelayan, yang bersesuaian dengan kelayakan akademik yang mereka perolehi. Jika mereka tidak mempunyai kelayakan yang baik, mereka akan menceburi bidang pekerjaan sebagai buruh industri. Perindustrian yang dibina di Kerteh telah membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk kawasan yang berhampiran. Generasi muda lebih berminat untuk menceburkan diri dalam pekerjaan di luar bidang nelayan kerana mengikut pendapat mereka pekerjaan sebagai nelayan tidak menjanjikan pendapatan yang tetap setiap bulan kerana bergantung kepada hasil tangkapan yang didapati. Walau bagaimanapun sebanyak 12.5% responden tidak berminat bekerja sebagai buruh industri kerana tidak tahan dengan keadaan cuaca yang



panas dan terpaksa bekerja mengikut arahan dan perintah dan ketua serta mempunyai masa rehat yang terhad. Sebagaimana yang berlaku di kawasan lain terdapat juga masalah pengangguran di kalangan generasi muda di kawasan kajian. Walau bagaimanapun kadar pengangguran telah berkurangan apabila pihak industri petroleum bersetuju mengambil anak-anak tempatan bekerja di kawasan industri. Pembinaan industri petroleum pada umumnya telah memberikan implikasi yang baik kerana dengan terbinanya kawasan perindustrian ini telah membuka peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat. Pekerjaan tidak lagi terhad kepada aktiviti menangkap ikan sahaja. Dengan adanya pusat perindustrian ini, penduduk kampung berpeluang menceburkan diri di dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan khasnya sebagai buruh.

Dalam kes ini berlaku konflik di antara masyarakat kampung dengan pihak berkuasa di kawasan industri. Masyarakat kampung yang kurang memahami cara pemilihan pekerja telah mengharapkan pihak industri dapat menyediakan peluang pekerjaan yang baik kepada anak-anak mereka. Bila keadaan sebaliknya berlaku iaitu anak-anak muda hanya mendapat kerja sebagai buruh industri menyebabkan masyarakat kampung mula merasa tidak puas hati. Mengikut pendapat mereka, bila industri dibina di kawasan mereka, maka anak tempatan seharusnya diberikan keutamaan untuk menjawat jawatan kosong di dalam kawasan industri itu. Menurut beberapa orang responden, jika anak-anak tempatan tidak diberikan keutamaan maka tidak ada manfaatnya industri itu dibina di kawasan mereka. Walau bagaimanapun generasi muda lebih memahami kedudukan yang sebenarnya

iaitu setiap jawatan yang baik memerlukan kelulusan akademik yang tinggi. Sebaliknya mereka menerima kerja yang ditawarkan dengan penuh gembira kerana sesuai dengan kelayakan yang mereka ada.

Bagi golongan wanita pula, setelah industri diwujudkan mereka tidak lagi bekerja. Jika dahulu mereka sibuk dengan kegiatan membuat bahan-bahan makanan daripada ikan tetapi akibat pembinaan 'supply base' menyebabkan tangkapan ikan berkurangan. Faktor ini menyebabkan kegiatan ini tersekat dan jika faktor ini berterusan kemungkinan besar kegiatan ini akan terhapus begitu sahaja. Daripada kajian tidak ada kaum wanita yang menjadi pembantu rumah untuk kakitangan PETRONAS. Walau bagaimanapun, ada beberapa orang wanita yang membuka gerai menjual makanan, mengambil upah menjahit pakaian dan ada juga yang membuka perniagaan kedai runcit.

Keseluruhannya dapatlah dilihat bahawa penubuhan industri di kawasan Kerteh ini telah memberikan implikasi yang berbeza-beza dari segi pekerjaan terhadap sesuatu golongan masyarakat. Di satu pihak penubuhan industri telah mendatangkan kesan yang baik misalnya berpeluang meluaskan perniagaan kerana berlaku pertambahan penduduk. Bagi mereka yang mempunyai rumah lebih daripada sebuah dapat menyewakannya kepada orang berhijrah di Kerteh. Di sebelah pihak lain, wujudnya industri telah mendatangkan kesan negatif iaitu pupusnya industri kecil berasaskan ikan yang sebelumnya merupakan punca pendapatan yang baik.



(b) Pendapatan

Jadual 12: Pendapatan Kasar Responden Dahulu\* dan Sekarang\*

Pendapatan Sebulan (\$)	Dahulu		Sekarang	
	Bil.	%	Bil.	%
0 - 200	10	26.33	-	-
201 - 400	15	36.47	8	20
401 - 600	6	15.79	16	40
601 - 800	2	5.26	1	2.5
801 - 1000	3	7.89	6	15
1001 - 1200	1	2.63	2	5
1201 - 1400	-	-	1	2.5
1401 - 1600	1	2.63	3	7.5
1601 - 1800	-	-	1	2.5
1801 ke atas	-	-	2	5
JUMLAH	38	100	40	100

\*Dahulu - Sebelum penemuan petroleum dan kedatangan Petronas

\*Sekarang - Selepas kedatangan Petronas 1981

Purata pendapatan bagi sebuah keluarga nelayan di kawasan kajian adalah di antara \$200 - \$400 sebulan, sebelum perindustrian iaitu membawa jumlah sebanyak 36.47% dan selepas berlakunya perindustrian petroleum purata pendapatan isi keluarga ialah sebanyak \$400 - \$600 sebulan iaitu melibatkan 40% daripada jumlah keseluruhan. Data di atas menunjukkan bahawa jumlah pendapatan

telah bertambah di mana tidak seorangpun dari responden yang mempunyai pendapatan kurang dari \$200 sebulan. Di antara faktor yang menyebabkan berlaku peningkatan dalam jumlah pendapatan ialah:-

1. Pertambahan dalam jumlah pendapatan amat ketara di kalangan responden yang menukar pekerjaan asal mereka iaitu dari nelayan kepada peniaga atau pemborong ikan pula. Biasanya mereka ini mempunyai alat menangkap ikan yang moden seperti pukat dan bot besar untuk disewakan. Mereka juga biasanya mempunyai hubungan dengan pasaran di luar seperti Kuala Lumpur dan Singapura. Dengan faktor ini pemborong ikan ini akan mendapat harga yang lebih baik (tinggi).
2. Walaupun suami telah mempunyai pendapatan yang tetap tetapi isteri telah mengambil inisiatif menambahkan punca pendapatan keluarga dengan membuka kedai runcit, makanan atau mengambil upah menjahit pakaian di rumah. Selain dari itu ada di kalangan isteri responden yang menjaja kain dan barang-barang perhiasan dari rumah ke rumah.
3. Bagi mereka yang bekerja di sektor awam ataupun swasta, taraf pendapatan mereka meningkat kerana mendapat kenaikan tangga gaji pada setiap tahun. Ada di kalangan isteri responden yang mengambil upah membuat gubahan hantaran pengantin. Di samping itu



beliau menyediakan pakaian, alat solek untuk disewa dan menjual perkhidmatan menjadi jurusolek pengantin. Faktor ini menyebabkan pendapatan isi rumah bertambah.

4. Bagi yang mempunyai bilangan rumah lebih dari sebuah, juga mendapat manfaatnya. Hasil dari proses penghijrahan yang pesat berlaku, menyebabkan permintaan terhadap rumah bertambah. Rumah kosong disewakan dan menjadi satu punca pendapatan yang baik setiap bulan. Hasil kajian yang dijalankan, responden ada menyatakan bahawa sebelum proses perindustrian berjalan lancar sewa untuk semua rumah hanya \$50 sebulan tetapi kini telah meningkat hingga ke angka \$100 - \$200 sebulan.
5. Ada di kalangan responden mengatakan bahawa pendapatan mereka bertambah kerana anak-anak yang telah bekerja membantu mereka setiap bulan dari segi kewangan.

Secara logiknya, dengan wujudnya projek perindustrian di kawasan kajian telah menyebabkan berlakunya pertambahan dalam jumlah pendapatan. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa kesan pendapatan adalah akibat dari kesan pekerjaan. Akibat penemuan petroleum dan pembinaan 'supply case' sepanjang 850 batu, merentangi pantai serta pengisytiharan kawasan larangan sejauh 5 batu dari pantai telah menyebabkan berlakunya kemerosotan dalam tangkapan ikan. Pembinaan 'supply case' ini telah menghalang ikan dari masuk ke

kawasan tepi pantai. Untuk mendapatkan tangkapan yang baik, nelayan terpaksa pergi ke tengah laut tetapi ini mendatangkan masalah bagi mereka yang tidak mempunyai kelengkapan dan masih mengamalkan cara-cara tradisional. Mereka hanya mampu menangkap ikan berhampiran dengan kawasan pantai. Faktor ini telah menyebabkan kemerosotan dari segi pendapatan kerana ikan yang didapati sedikit. Menurut salah seorang responden yang telah lama berkecimpung dalam bidang penangkapan ikan, sebelum kegiatan mencarigali petroleum giat dijalankan 70% dari hasil tangkapan mereka sehari-hari terdiri dari jenis ikan yang mempunyai pasaran yang baik tetapi kini untuk mendapatkan angka 30% pun agak sukar. Jika sebelumnya mereka mampu mendapatkan pendapatan sehingga \$300 - \$400 sebulan tetapi kini mereka hanya boleh berpuashati dengan pendapatan \$200 - \$300 sebulan. Ada di antara responden menyatakan bahawa kadang-kadang mereka hanya dapat membawa balik pendapatan \$2 sehari. Jika sebelum ini pendapatan seharian mereka ditambah dengan kegiatan membuat hasil makanan berasaskan ikan tetapi kini kegiatan ini tidak dapat dijalankan secara giat kerana kurangnya jumlah tangkapan ikan. Oleh kerana inilah sebahagian dari nelayan yang dikaji mengakui bahawa kehidupan mereka menjadi lebih sempit cuma dari segi lain mereka tidak perlu membeli ikan untuk dijadikan lauk.

Di dalam kes pendapatan ini, pengkaji juga telah meneliti pada pihak lain iaitu mereka yang tidak terlibat secara langsung dengan kerja nelayan. Bagi pihak ini, mereka berpendapat bahawa dengan tertubuhnya industri di kawasan mereka telah menyebabkan pendapatan mereka bertambah. Golongan ini adalah terdiri dari



golongan peniaga di mana mereka telah memperolehi lebih ramai pelanggan akibat penghijrahan penduduk terutamanya pekerja industri di kawasan mereka. Seorang responden menyatakan adakalanya beliau mendapat pendapatan kasar \$400 sehari. Tetapi jaminan ini tidak tetap untuk setiap masa. Walaupun ada kalanya seorang peniaga mendapat pendapatan yang agak rendah kerana telah wujud banyak persaingan tetapi oleh kerana kawasan kajian adalah jauh dari bandar maka penduduk sekitar terpaksa bergantung sepenuhnya kepada kedai-kedai runcit ini. Bagi nelayan yang mempunyai kelengkapan penangkapan ikan yang baik, juga meningkat pendapatannya kerana bot-bot mereka mampu pergi ke kawasan laut dalam untuk mendapatkan hasil tangkapan yang lumayan. Dan bagi mereka yang mempunyai modal, telah membeli alat-alat kelengkapan untuk disewakan kepada orang lain.

Dengan itu dapat dilihat perbezaan yang agak ketara di antara 2 kumpulan tersebut, iaitu satu golongan menerima kesan yang baik akibat dari wujudnya perindustrian petroleum ini dan satu golongan lagi menerima kesan yang agak negatif iaitu pupusnya industri tradisional berasaskan ikan akibat dari berlakunya kemerosotan dalam tangkapan ikan. Golongan yang tidak menerima sebarang kesan sama ada negatif ataupun positif ialah golongan yang berpendapatan tetap iaitu kalangan kakitangan kerajaan ataupun swasta.

Ditinjau mengenai pandangan responden terhadap kehidupan masa kini berbanding dengan dahulu, 60% daripada jumlah responden mengakui bahawa taraf kehidupan mereka lebih baik jika dibandingkan

dengan dahulu. Mereka menyatakan ini kerana jumlah pendapatan yang meningkat dan kemudahan sosial yang lebih baik. Walau bagaimanapun ada juga di kalangan responden yang menyatakan bahawa, kehidupan mereka menjadi lebih buruk dari sebelumnya. Mereka mengatakan bahawa pembangunan yang dijalankan dan segala kemudahan asas yang disediakan hanya meninggikan lagi kos sara hidup sedangkan pendapatan yang diperolehi tidak bertambah. Setiap bulan mereka terpaksa membayar bil elektrik dan air yang telah mereka gunakan. Sebelumnya mereka menggunakan air telaga.

Jadual 13: Pandangan Tentang Kehidupan Masa Ini

Pandangan	Bilangan	Peratus
Lebih baik dari dahulu	10	25
Baik sedikit dari dahulu	14	35
Sama seperti dahulu	10	25
Buruk dari dahulu	6	15
JUMLAH	40	100

Peningkatan dalam pendapatan dan perubahan dalam pekerjaan menyebabkan perubahan dalam penggunaan kenderaan untuk ke tempat kerja. Bagi mereka yang masih bergiat cergas dalam aktiviti menangkap ikan masih menggunakan bot ataupun sampan untuk ke laut mencari rezeki, kemajuan dari segi infrastruktur akibat pembangunan menyebabkan terdapat pilihan dalam penggunaan kenderaan. Bagi mereka yang mempunyai tangga gaji yang lumayan akan menggunakan



kereta sebagai alat pengangkutan ke tempat kerja yang utama. Jadual 14 menunjukkan jenis kenderaan yang digunakan oleh responden ke tempat kerja. Selepas proses perbandaran dilakukan, berlaku perubahan dalam penggunaan kenderaan. 55% dari responden yang ditemubual menyatakan bahawa mereka menggunakan kenderaan sendiri ke tempat kerja. Hanya 7.5% sahaja dari responden yang menggunakan perkhidmatan bas ke tempat kerja. Kemajuan infrastruktur dan peningkatan dalam jumlah pendapatan menyebabkan berlakunya perubahan pesat penggunaan kenderaan sendiri iaitu kereta dan motosikal ke tempat kerja. 22.5% pula hanya melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi di rumah sebagai peniaga kecil dan tidak memerlukan kenderaan untuk ke tempat kerja. Perubahan dalam penggunaan kenderaan ke tempat kerja adalah bergantung kepada taraf pendapatan mereka.

Jadual 14: Penggunaan Kenderaan Ke Tempat Kerja

Cara	Bilangan	Peratus
Kereta	12	30
Motosikal	10	25
Bas	3	7.5
Bot	3	7.5
Basikal	1	2.5
Jalan kaki	2	5
Lain-lain	9	22.5
JUMLAH	40	100

(c) Pemilikan Harta

Konsep barang-barang mewah merupakan satu konsep yang agak kabur kerana bagi mereka yang berpendapatan tinggi barang-barang yang dianggap mewah oleh golongan berpendapatan rendah hanya merupakan sebagai barang keperluan sahaja.

Jadual 15: Pemilikan Harta Di Kalangan Responden

Jenis Barang	Bilangan	Peratus
Kereta	18/40	45
Motosikal	21/40	52.5
Basikal	23/40	57.5
Televisyen	39/40	97.5
Dapur Gas	39/40	97.5
Peti Sejuk	35/40	87.5
Mesin Jahit	33/40	82.5
Video	20/40	50
Perabot	39/40	97.5
Bot/Sampan	2/40	5
Radio	40/40	100

Mengikut kajian yang dijalankan, responden berpendapat bahawa kereta bukan lagi sebagai barang mewah tetapi merupakan barang keperluan untuk pergi ke tempat kerja atau lain-lain tempat. Oleh kerana kenderaan awam yang disediakan tidak begitu cekap, perkhidmatannya tidak dapat digunakan secara 'effective'. Seramai



97.5% responden menggunakan kenderaan sendiri ke tempat kerja iaitu sama ada menggunakan kereta ataupun motosikal.

Dari segi pola pemilikan tidak banyak berlaku perubahan akibat dari wujudnya industri. Kebanyakan penduduk telah sedia mempunyai barang-barang keperluan rumah sejak dahulu lagi. Apa yang jelas kelihatan ialah perubahan dari segi pemilikan barang-barang elektrik dan media elektronik seperti televisyen dan video. Beberapa orang responden mengakui bahawa setelah berlakunya proses urbanisasi akibat penemuan minyak barulah berlaku peningkatan terhadap penggunaan peti sejuk, dapur gas, televisyen, video dan lain-lain barangan yang sebelumnya dianggap sebagai barangan mewah. Peningkatan terhadap penggunaan alat-alat elektrik ini bermula dari tahun 1981. Walau bagaimanapun mereka membeli barang-barang ini secara 'sewa beli'. Peningkatan dalam punca pendapatan menjadi faktor utama mereka mampu memiliki barangan yang agak berbentuk mewah ini. Peningkatan pesat ke atas penggunaan dapur gas mungkin disebabkan gas murah dan mudah didapati lebih-lebih lagi setelah terdirinya sebuah logi memproses gas di Kerteh ini. Hasil kajian menunjukkan 97.5% dari responden menggunakan dapur gas. Ini berbeza dari sebelumnya di mana mereka hanya menggunakan dapur kayu atau minyak sahaja. Hanya 20% sahaja yang menggunakan dapur gas sebelum tahun 1981.

Kajian di atas menunjukkan bahawa perubahan sosial lebih banyak disebabkan oleh kemajuan dalam bidang teknologi. Kemajuan teknologi menyebabkan cara hidup manusia berubah mengikut penemuan

dan ciptaan baru. Ini menyebabkan 'material culture' berubah lebih pesat dari 'non-material culture'. Perubahan sosial adalah satu proses penyesuaian di antara kemajuan teknologi dan struktur sosial dalam masyarakat.

(d) Simpanan

Akibat dari proses urbanisasi dan perkembangan media elektronik, menyebabkan masyarakat luar bandar mulai menerima corak hidup dan idea-idea yang didatangkan dari bandar. Aspek yang jelas kelihatan ialah perubahan cara menyimpan wang. Pertambahan dalam jumlah pendapatan menyebabkan terdapatnya lebih pendapatan yang boleh dikumpulkan. Jadual 16 menunjukkan cara menyimpan wang di kalangan responden.

Jadual 16: Cara Menyimpan Wang Oleh Responden

Cara Menyimpan	Bilangan	Peratus
Pejabat Pos (BSN)	32/40	80
Bank Swasta	21/40	52.5
Tabung Haji	10/40	25
ASN	33/40	82.5
Simpanan Tangan	5/40	12.5
Barang Kemas	40/40	100
Syarikat Kerjasama	3/40	7.5



Daripada Jadual 16 menunjukkan bahawa 87/5% responden ada membuat simpanan di berbagai institusi kewangan yang diiktiraf. Ini merupakan satu perubahan sikap yang sihat kerana perbuatan menyimpan wang di rumah adalah tidak selamat. Walau bagaimanapun jumlah sebenar simpanan yang mereka buat tidak dinyatakan kerana responden enggan berterus terang mengenainya.

Walaupun bagaimanapun kebanyakan responden yang disoal selidik lebih suka membuat simpanan beku apabila ada wang lebih iaitu dengan membeli barang-barang kemas untuk isteri dan anak-anak mereka. Tempat simpanan wang yang paling popular masa kini ialah ASN dan Pejabat Pos. Ini berkait rapat dengan kemudahan tempat menyimpan wang itu sendiri, iaitu terdapat sebuah Pejabat Pos di kampung ini yang mengendalikan soal simpanan Bank Simpanan Nasional dan Amanah Saham Nasional (ASN). Di Bandar Baru pula menyediakan perkhidmatan Bank United Malayan Banking Co. (UMBC).

Ditinjau mengenai tujuan simpanan wang dibuat, kebanyakan responden mengatakan bahawa mereka menyimpan untuk digunakan di waktu kecemasan dan ada juga yang menyatakan simpanan dibuat untuk mengumpulkan modal. Kebanyakan responden membuat simpanan secara beransur-ansur mengikut lebihan pendapatan yang mereka perolehi. Jumlah ini melibatkan 90% dari jumlah keseluruhan. Faktor ini menyebabkan simpanan yang mereka buat tidak tetap kadarnya pada setiap bulan. Ini berbeza dengan kakitangan kerajaan yang kebiasaannya membuat simpanan dengan kadar yang agak tetap.

Jadual 16 juga menunjukkan bahawa hanya 12.5% sahaja dari kalangan responden yang masih membuat simpanan di rumah (tangan). Apabila ditanya mengapa, mereka mengatakan bahawa pendapatan yang mereka perolehi setiap bulan hanya cukup untuk menampung kehidupan. Ketidadaan baki menyebabkan mereka tidak membuat simpanan di bank dan jika ada lebihan sedikit mereka hanya menyimpannya di rumah.

#### 5.4 Perubahan Sikap dan Nilai

Proses perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan beberapa bentuk nilai lama berubah dan digantikan dengan nilai-nilai baru dan aliran menunjukkan bahawa nilai baru ini diterima oleh kebanyakan penduduk di kampung ini. Perubahan sosial mengikut W.F. Ogburn dan M.F. Nimkoff<sup>23</sup> ialah perubahan dalam unsur-unsur kebudayaan sama ada yang berbentuk material ataupun non-material. Ogburn mempercayai bahawa perubahan sosial lebih banyak disebabkan oleh kemajuan dalam bidang teknologi yang menyebabkan cara hidup manusia berubah mengikut penemuan dan ciptaan baru.

Jadual 17: Pandangan Tentang Adat Tradisi

Penerimaan	Bilangan	Peratus
Terpaksa Ikut	3	7.5
Tidak Perlu Ikut	-	-
Ikut Mana Yang Perlu	37	92.5
JUMLAH	40	100

<sup>23</sup> W.F. Ogburn and M.F. Nimkoff, Sociology, Boston, 1949.



Jadual 17 menunjukkan 92.5% di kalangan responden mengatakan bahawa adat di zaman moden ini hanya perlu diikuti pada setengah bahagian yang penting sahaja iaitu yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Hanya 7.5% sahaja yang mengatakan bahawa adat tradisi mesti diikuti. Walau bagaimanapun tiada seorang responden kajian yang menolak sepenuhnya kewujudan adat dalam masyarakat mereka. Tiada seorang pun yang menafikan bahawa adat resam penting untuk pembentukan sesebuah masyarakat. Golongan tua yang mempertahankan adat resam ini mengatakan bahawa adat tidak akan membawa sebarang kesan negatif kepada masyarakat yang mengamalkannya. Bagi golongan generasi muda pula berpendapat bahawa tidak semua adat mendatangkan kebaikan kerana ada adat yang boleh menghalang kemajuan seseorang misalnya seperti kata pepatah yang menyebutkan 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang'. Pepatah ini akan menyebabkan timbul sikap yang hanya berserah kepada takdir tanpa mahu berusaha untuk mencapai kejayaan. Di zaman moden ini perlu berlumba-lumba untuk mendapatkan sesuatu dan siapa yang rajin berusaha dan mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Bagi golongan belia cuba untuk mengeneipkan adat kerana adat akan mengongkong kebebasan hidup mereka. Kehendak untuk hidup bebas adalah berpunca dari kemajuan dalam media massa terutamanya media elektronik yang selalu memaparkan idea-idea tentang kebebasan hidup di Barat melalui cerita-cerita yang ditayangkan di televisyen.

Mengikut Radcliffe Brown<sup>24</sup> sesuatu amalan tradisi secara keseluruhannya adalah untuk memberi fungsi kepada sesuatu sistem

---

<sup>24</sup>Radcliffe-Brown A.R., On the Concept of Function in Social Science, American Anthropologist, 1935.

sosial. Beliau juga mengatakan bahawa fungsi kebudayaan secara keseluruhannya untuk menyatupadukan tiap-tiap manusia dalam sesuatu struktur sosial. Tetapi dengan meresapnya proses urbanisasi telah menyebabkan banyak berlaku perubahan terutama adat istiadat lama. Pengkaji memfokuskan kepada konsep 'rites-de-passage' iaitu setiap manusia akan melalui berbagai-bagai peringkat kehidupan dan setiap peringkat yang dilalui akan diisytiharkan melalui upacara-upacara istiadat tertentu. Adat tradisi yang diamalkan oleh masyarakat sebenarnya menggambarkan peringkat-peringkat kemajuan manusia. Misalnya sebelum menjalani proses melahirkan anak, akan diikuti oleh beberapa upacara seperti upacara melenggang perut semasa kandungan berusia 7 bulan. Selepas kelahiran akan diikuti pula dengan upacara bercukur rambut dan bertindik bagi anak-anak perempuan. Walau bagaimanapun akibat proses pemodenan adat tradisi seperti ini semakin dilupakan dan dianggap sebagai perkara yang remeh temah yang patut ditinggalkan.

Masyarakat Melayu luar bandar pada masa dahulu amat dipercayai perubatan secara tradisional yang menjadi warisan kebanggaan. Proses urbanisasi telah memperkenalkan cara (sistem) perubatan yang lebih saintifik. Perkhidmatan ini disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Perubatan secara moden ini telah mengurangkan 'kemasyhuran' perubatan secara tradisional.

Jadual 18 menunjukkan bahawa 82.5% responden menyatakan bahawa mereka akan mendapatkan rawatan sama ada dari doktor kerajaan atau doktor swasta. Faktor ini bergantung kepada jenis penyakit



Jadual 18: Cara Mendapatkan Rawatan

Cara	Bilangan	Peratus
Doktor Kerajaan	34/40	85
Doktor Swasta	22/40	55
Beli Ubat Dari Kedai	5/40	12.5
Pawang/Bomoh	2/40	5

yang dialami. Jika penyakit yang dialami tidak serius responden menyatakan mereka lebih suka mendapatkan rawatan dari doktor persendirian kerana perkhidmatannya yang lebih cepat. Jika penyakit yang dialami 'serius' maka mereka akan pergi ke hospital kerajaan kerana bayaran yang dikenakan murah tidak seperti doktor persendirian yang akan mengenakan bayaran mengikut jenis penyakit. Akibat pesatnya kemajuan bidang perubatan, menyebabkan orang ramai lebih suka mendapatkan rawatan di hospital. Hasil kajian menunjukkan bahawa hampir 70% ibu-ibu mengandung yang ditemubual lebih suka melahirkan anak di hospital kerana di hospital lengkap dengan peralatan moden dan mendapat pengawasan rapi dari doktor dan jururawat yang bertugas. Faktor ini menyebabkan orang ramai lebih mempercayai akan kewibawaan doktor dan hospital dalam memberikan rawatan. Hasil kajian menunjukkan mereka masih lagi mendapatkan rawatan dari pawang atau bomoh. Walau bagaimanapun ini merupakan jumlah peratusan yang kecil dan secara keseluruhannya masyarakat mula mengalih pandangannya kepada cara perubatan moden. Begitu juga dalam upacara bersunat, ibubapa lebih suka anak-anak mereka dikhatankan di hospital selaras dengan

kepercayaan mereka terhadap keupayaan doktor. Hanya sebilangan kecil yang masih mengamalkan berkhatan secara tradisional iaitu dengan menggunakan Tok Mudim dan menjalani ritual-ritual tertentu sebelum proses berkhatan dijalankan.

Perubahan sikap juga kelihatan dalam aspek keagamaan. Proses perindustrian sedikit sebanyak telah memberikan kesan negatif terhadap institusi agama dalam masyarakat. Hasil pemerhatian pengkaji, kerana pengaruh material yang kuat masyarakat kini lebih mementingkan persoalan bagaimana untuk menambahkan pendapatan. Menurut pendapat Imam di kampung ini, tidak ramai golongan muda yang mengunjungi masjid kerana mereka sibuk dengan pekerjaan masing-masing terutamanya mereka yang bekerja menggunakan sistem 'shift'. Mereka lebih suka menggunakan masa yang terluang untuk berehat. Sebilangan responden yang ditemubual menyatakan bahawa mereka lebih suka melakukan ibadah sembahyang secara individu di rumah untuk menjimatkan masa. Faktor keletihan bekerja sepanjang hari menyebabkan mereka malas untuk pergi ke masjid untuk sembahyang. Walau bagaimanapun, mereka akan datang beramai-ramai ke masjid pada hari Jumaat untuk menunaikan fardu Jumaat bersama-sama. Sambutan yang menggalakkan ini ialah kerana hari Jumaat merupakan hari kelepasan am. Perkembangan media elektronik terutamanya televisyen juga merupakan salah satu faktor perubahan sikap ini berlaku iaitu masyarakat mula mengutamakan masa rehat sambil menonton televisyen bersama keluarga di rumah.



Agama sebenarnya mempunyai fungsi yang besar dalam usaha membentuk dan mengawal perlakuan manusia. Sebenarnya setiap aktiviti agama yang dijalankan mempunyai fungsi-fungsi tertentu, misalnya untuk mengeratkan hubungan di antara satu sama lain. Di samping itu masjid merupakan lambang perpaduan umat Islam secara keseluruhannya.

Ditinjau mengenai pandangan dan cita-cita hidup di masa hadapan, seramai 11 orang dari responden yang ditemui bercita-cita untuk melibatkan diri dengan dunia perniagaan, di kawasan Bandar Baru yang dimajukan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (SEDC). Perubahan sikap jelas kelihatan dalam cita-cita setiap responden yang ditemubual di mana tiada seorang responden pun yang bercita-cita mahu menjadi nelayan sepanjang hidup mereka. Bagi mereka yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan yang mempunyai modal, golongan ini rata-rata menyatakan bahawa mereka ingin merebut segala peluang yang ada hasil dari pembinaan pusat perindustrian petroleum ini. Golongan ini melibatkan peratusan sejumlah 17.5%.

Jadual 19: Cita-Cita Responden Di Masa Hadapan

Cita-Cita	Bilangan	Peratus
Menjadi Peniaga	11	27.5
Cari Kerja Lebih Baik	6	15
Menjadi Kaya	2	5
Rebut Peluang Yang Ada	7	17.5
Lain-Lain	14	35
JUMLAH	40	100

### 5.5 Konflik Dalam Masyarakat

Telah wujud konflik sosial di antara masyarakat di kawasan kajian. Ini adalah diakibatkan oleh pertentangan pendapat di dalam masyarakat. Konflik yang berlaku adalah mempunyai fungsi yang 'dysfunctional', tetapi mengikut Coser,<sup>25</sup> konflik yang berlaku dalam perhubungan sosial dikatakan mempunyai 'functional values'. Konflik yang berlaku kebanyakannya disebabkan oleh perbezaan nilai dan kepentingan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun konflik yang berlaku adalah secara 'latent' dan tidak ada tindakan lanjut yang lebih 'agresif'.

Coser berpendapat konflik ialah 'struggles over values and claims' ke atas beberapa punca yang terhad iaitu:

- (a) Status
- (b) Kuasa
- (c) Lain-lain punca (ekonomi)

Konflik yang jelas kelihatan berlaku di antara komuniti kampung dengan masyarakat Petronas. Masyarakat Petronas yang dianggap sebagai 'golongan kelas menengah' oleh masyarakat kampung dikatakan terlalu berbangga dengan kedudukan mereka dan terlalu bersikap individualistik. Misalnya untuk mengasingkan diri mereka dari masyarakat sekeliling, 'Rantau Petronas' telah dibina lengkap dengan kawasan perumahan, klinik, sekolah dan kompleks sukan.

---

<sup>25</sup> Coser, A Function of Social Conflict, Routledge and Kegan Paul Ltd, London, 1956.



Kemudahan ini disediakan khas untuk kegunaan pekerja-pekerja Petronas. Sikap ini telah menimbulkan persoalan kepada penduduk kampung, misalnya mengapa kakitangan Petronas enggan menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah yang sedia ada di pekan Kerteh sedangkan Petronas telah memberikan sumbangan yang besar di dalam usaha untuk melengkapkan sekolah ini dengan segala kemudahan alat pembelajaran. Isu penubuhan sebuah sekolah baru oleh Petronas untuk anak-anak kakitangan sahaja telah menimbulkan konflik. Penduduk kampung telah menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri untuk menyatakan bantahan mereka terhadap isu tersebut. Walau bagaimanapun demi untuk menjaga perpaduan dan kepentingan bersama akhirnya sekolah Petronas ini dapat ditubuhkan dan mula mengambil pelajarinya mulai 1 Julai 1987. Penduduk kampung bersetuju dengan penubuhan sekolah itu dengan syarat iaitu:-

1. Sekolah ini harus memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk mendapatkan samarata iaitu 50 - 50.
2. Sekolah harus menyediakan asrama untuk anak-anak tempatan.
3. Petronas harus memberi kemudahan yang serupa untuk sekolah yang sedia ada di pekan Kerteh terutamanya dari segi peralatan makmal sains.

Konflik juga berlaku dalam hal kepartian. Menurut bekas Penghulu, Kerteh merupakan benteng UMNO yang terkuat di Terengganu. Walau bagaimanapun, dikatakan bahawa ada di kalangan kakitangan

Petronas menjadi penyokong parti PAS, tetapi fakta ini tidak dapat dibuktikan sepenuhnya kerana mereka enggan memperkatakan soal kepartian yang mereka dokongi. Faktor ini menyebabkan ada berlakunya konflik kepartian kerana ada kelompok yang berbeza fahaman politik di satu kawasan yang sama. Bagaimanapun konflik yang berlaku masih lagi bercorak 'latern', hanya isu mengenai sekolah hebat diperkatakan di akhbar untuk menunjukkan rasa tidak puashati masyarakat tempatan mengenainya. Ini adalah kerana mereka merasakan diri mereka diketepikan dan hilang kuasa di tempat sendiri.

Jelaslah bahawa konflik yang didapati berlaku hanya berkisar antara masyarakat kampung dengan kakitangan Petronas. Konflik sesama sendiri tidak dapat dikesan dengan jelas cuma berlaku perasaan tidak puashati dengan pemecahan tanah yang dibuat dan bayaran gantirugi, iaitu ada di kalangan responden menyatakan bahawa orang yang miskin mendapat bayaran yang rendah tetapi sebenarnya apa yang mereka perolehi sesuai dengan harga rumah yang sebelumnya. Walau bagaimanapun perasaan ini hanya dipendamkan dan mereka meluahkan kepada pengkaji apabila pengkaji meminta pendapat tentang bayaran gantirugi dan pembahagian tanah yang mereka perolehi. Sepanjang penelitian yang dibuat dan hasil keterangan responden, konflik yang berbentuk 'manifest' belum pernah dilakukan dan berlaku. Mengenai soal pembahagian tanah di atas, kebanyakan penduduk bersetuju demi menjaga kepentingan dan kebaikan bersama.



Konflik juga kelihatan berlaku di antara generasi muda dengan generasi tua. Generasi muda akibat dari perluasan penyebaran media massa elektronik menyebabkan gaya hidup mereka terikut-ikut dengan gaya orang-orang Barat. Generasi muda tidak suka hidup mereka dikongkong oleh adat-adat lama tetapi generasi tua masih cuba untuk mengekalkan adat-adat tradisi ini. Walau bagaimanapun hasil tinjauan yang dilakukan sebenarnya hanya segelintir sahaja generasi muda yang mengatakan bahawa adat-adat tradisi patut diketepikan. Mereka mengakui bahawa adat tradisi penting untuk membentuk hidup manusia.

Dapatlah dikatakan bahawa konflik yang wujud di antara masyarakat Petronas dan masyarakat kampung adalah bercorak 'dysfunctional' kerana menyebabkan masyarakat Petronas dan masyarakat kampung berpecah dan masyarakat Petronas telah mengambil tindakan mengasingkan diri mereka dengan membina pusat penempatan di Rantau Petronas. Fahaman perpartian yang berbeza juga membawa kesan 'dysfunction' kerana perbezaan ini akan membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Konflik di antara golongan muda dan golongan tua pula secara amnya tidak membawa sebarang kesan negatif kerana pergeseran yang berlaku hanya dalam aspek perbezaan nilai. Golongan muda yang terlalu mengagung-agungkan gaya hidup moden yang lebih mengarah ke sikap individualistik tidak disetujui oleh golongan tua yang kebanyakannya masih cuba mengekalkan nilai dan adat tradisi lama. Walau bagaimanapun untuk kepentingan bersama kedua-dua golongan ini bekerjasama erat terutamanya dalam aspek perpartian mereka.

Kesimpulannya nilai berubah mengikut keadaan dan masa. Perubahan yang berlaku disebabkan oleh unsur-unsur luar yang mendesaknya dan perubahan yang berlaku pada diri seseorang adalah mengikut peredaran masa. Perubahan pasti berlaku kerana banyak sifat-sifat yang ber'potential' untuk berubah di dalam sesuatu organisasi, walaupun tidak ada faktor luar yang mempengaruhinya. Faktor luar hanyalah sebagai penggalak yang mempercepatkan atau menghindarkan perubahan. Akibat dari proses perubahan ini timbul proses penyesuaian antara elemen-elemen lama dan baru. Nilai-nilai baru yang berbentuk sekular lebih cepat diterima walaupun secara sedar atau tidak akibat proses pemodenan. Ada kalanya nilai-nilai lama menjadi asing akibat dari perubahan yang berlaku setelah kedatangan nilai-nilai baru. Proses perindustrian mempercepatkan lagi penerimaan unsur-unsur moden yang berbentuk sekular. Sebahagian besar generasi muda telah menerima dan mengamalkan nilai-nilai tersebut. Walau bagaimanapun terdapat juga setengah golongan yang masih mengamalkan dan mempertahankan nilai-nilai tradisi terutamanya golongan tua. Ini menyebabkan berlakunya pergeseran antara golongan tua dan muda dalam mempertahankan nilai-nilai tersebut.



## BAB VI

### PENUTUP

#### Kesimpulan

Bab ini akan membincangkan kisah dan perubahan akibat proses perbandaran dan perindustrian ke atas Kampung Pekan Kerteh, cuba membuktikan hipotesis-hipotesis yang dikemukakan di awal penulisan dan memberikan cadangan-cadangan yang difikirkan perlu untuk pembangunan masa depan Kampung Pekan Kerteh ini.

Secara umumnya Pekan Kerteh mengalami 2 tahap perkembangan yang berbeza iaitu sebelum kedatangan Petronas dan industri petroleum dan selepas kedatangan Petronas mulai tahun 1979. Tahap ke 2 inilah berlakunya satu perubahan yang cepat iaitu untuk membangunkan kawasan perkampungan dan meninggikan taraf hidup serta cuba mengasimilasikan proses kemajuan yang ada di bandar-bandar ke dalam kehidupan sosio-ekonomi masyarakat kampung. Kebanyakan perubahan sosial yang berlaku diakibatkan oleh pembangunan kawasan perindustrian petroleum di Terengganu khasnya di Kerteh. Jika sebelumnya tanah yang diduduki oleh masyarakat Kampung Pekan Kerteh adalah kepunyaan kerajaan tetapi kini telah diberikan taraf hakmilik persendirian kepada penduduk kampung. Kerajaan juga cuba untuk memperlengkapkan kampung ini dengan segala jenis kemudahan asas dan infrastruktur supaya sejajar dengan proses pembangunan yang dibawa oleh Petronas. Di sini dapatlah dikatakan bahawa pihak kerajaan begitu menitikberatkan aspek-aspek sosial dan kebajikan rakyatnya. Walaupun

berlaku kemasukan perindustrian yang memerlukan satu kawasan yang luas tetapi tidak mengganggu kawasan penempatan yang sedia ada. Perpindahan yang berlaku adalah lebih tertumpu kepada aspek rombakan kedudukan rumah di dalam kampung sahaja.

Walau bagaimanapun secara umum dapatlah dikatakan bahawa proses perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan berlakunya proses perubahan tempat tinggal dahulu dan sekarang, berlaku konflik di antara masyarakat dan berlaku juga perubahan dalam bentuk kekeluargaan dan hubungan kekeluargaan yang semakin renggang dan akhirnya membawa kepada berbagai-bagai masalah sosial.

Sebelum kemasukan Petronas ke kawasan ini, kawasan sekitar pekan Kerteh ini dipenuhi oleh hutan paya. Kemudahan infrastruktur dan komunikasi sama ada yang berbentuk massa seperti suratkhbar dan media cetak yang lain ataupun yang berbentuk fizikal seperti telefon, televisyen dan radio adalah terlalu rendah tarafnya. Kedatangan Petronas dan penemuan petroleum di luar pantai Terengganu menjadi satu 'turning point' terhadap keseluruhan pembangunan kampung dan pekan Kerteh amnya. Projek pembangunan perindustrian petroleum yang begitu pesat telah mempengaruhi kemajuan Kampung Pekan Kerteh dan Kerteh secara keseluruhannya. Kawasan-kawasan yang dipengaruhi oleh hutan telah dimajukan menjadi kawasan perumahan yang cantik dan lebih sistematik susunannya, di samping pembinaan kawasan perindustrian yang berasaskan petroleum. Pembinaan kawasan perumahan ini adalah untuk mengurangkan masalah perumahan dan tempat tinggal kakitangan Petronas khasnya.



Projek pembangunan dan perindustrian telah menyebabkan keadaan infrastruktur menjadi bertambah baik dan sistematik. Pencarian punca rezeki bagi penduduk kampung tidak lagi terhadap kepada aktiviti menangkap ikan dan pertanian sahaja. Kalau sebelumnya sebanyak 28.95% melibatkan diri dalam aktiviti menangkap ikan dan pertanian tetapi masa ini peratusan ini menurun menjadi 16.45% sahaja. Selain daripada itu sebanyak 25% di kalangan responden kajian telah dapat menikmati pendapatan tetap setiap bulan kerana bekerja di sektor awam. Mulai tahun 1981, kawasan perkampungan nelayan pada mulanya telah bertukar menjadi sebuah perkampungan yang berancang akibat wujudnya kawasan perindustrian ini.

Untuk melihat dengan lebih dekat bagaimana urbanisasi memberi kesan dan membawa perubahan ke atas struktur sosial masyarakat, pengkaji cuba melihatnya dari 3 aspek penting iaitu dari sudut ekonomi, politik dan sosialnya. Ketiga-tiga aspek ini akan membuktikan bahawa urbanisasi telah memberikan kesan ke atas struktur sosial masyarakat kampung Kerteh ini.

Urbanisasi secara tidak langsung telah meninggalkan kesan-kesan tertentu ke atas masyarakat tradisional. Sikap mereka lebih condong ke arah bersikap individualistik. Jika dahulu perhubungan sosial adalah berbentuk "close unit" tetapi akibat urbanisasi perhubungan sosial menjadi "loose unit". Ini jelas dengan pupusnya kegiatan bergotong-royong, tolong menolong dan institusi bertandang yang biasanya dilakukan oleh kaum wanita di waktu petang. Akibat berlaku perubahan dalam kehidupan menyebabkan mereka tidak mempunyai

masa lapang untuk cuba meneruskan aktiviti ini. Kedudukan status ekonomi yang mulai meningkat dan penyerapan budaya moden menyebabkan mereka menghadapi corak kehidupan baru dan bertemu dengan satu bentuk jalinan sosial yang baru dan lebih mencabar.

Dari segi ekonomi, perkembangan proses urbanisasi dan perindustrian telah juga memberi kesan-kesan tertentu ke atas komuniti Kampung Pekan Kerteh ini. Sebagaimana yang telah di-huraikan oleh pengkaji di dalam Bab IV iaitu didapati berlaku perubahan yang besar ke atas jumlah pendapatan keluarga pada masa dahulu dan sekarang. Antara sebab penting ialah sebelum petroleum ditemui, pekerjaan komuniti kampung ini tertumpu kepada aktiviti pertanian dan menangkap ikan. Akibat penemuan petroleum dan kewujudan industri yang berdasarkan petroleum di sini, telah membuka banyak peluang pekerjaan yang membolehkan mereka mengubah nasib daripada hanya menumpukan perhatian kepada pekerjaan yang tidak mendatangkan pendapatan yang tetap kepada sektor perindustrian yang menjanjikan pendapatan lumayan dan tetap. Bagi mereka yang mempunyai modal pula, menceburkan diri dalam dunia perniagaan. Akibat proses perindustrian juga, komuniti kampung dapat menambahkan pendapatan dengan menyewakan rumah yang tidak mereka duduki kepada orang lain yang datang berhijrah ke kawasan pekan Kerteh. Ini merupakan satu sumber pendapatan yang menguntungkan pada setiap bulan.

Jadi jelaslah bahawa urbanisasi dan proses perindustrian telah mengubah pola-pola ekonomi dan jenis pekerjaan penduduk-



penduduk Kampung Pekan Kerteh ini. Perubahan tanggapan dan nilai-nilai serta kepentingan inilah yang dikatakan oleh Reissman sebagai:

"... the impetus of urbanization upon society is such that society give way to urban institution, urban value and demands."<sup>26</sup>

Dari segi politik, pengkaji menyimpulkan bahawa akibat proses urbanisasi telah menimbulkan kesedaran tentang kepentingan-kepentingan individu di dalam masyarakat. Kesedaran tentang kepentingan individu lahir hasil dari interaksi yang meluas dengan masyarakat luar dan juga media massa. Louis Wirth dalam bukunya 'Urbanism as a Way of Life' mengatakan:

"The greater the number of individuals participating in a process of interaction, the greater the potential differentiation between them."<sup>27</sup>

Hasil kajian menunjukkan kebenaran teori Wirth ini tetapi unsur-unsur ke arah fenomena itu belum sampai ke peringkat yang 'extreme'. Setiap individu semakin berani dan sedar bahawa mereka mempunyai hak untuk bersuara dan membangkang dalam sesuatu hal. Dengan faktor-faktor di atas ternyatalah bahawa hipotesis pertama iaitu urbanisasi memberi kesan ke atas struktur sosial komuniti Kampung Pekan Kerteh ada kebenarannya.

---

<sup>26</sup> Leonard Reissman, The Urban Process: Cities in Industrial Societies, Glencoe, Illinois, 1964.

<sup>27</sup> Louis Wirth, Urbanism as a Way of Life, Glencoe, Illinois.

Hipotesis kedua ialah proses perindustrian dan urbanisasi telah menyebabkan penduduk kampung menjadi lebih bersikap individualistik. Robert Redfield<sup>28</sup> mengatakan bahawa sikap ini wujud di kalangan komuniti bandar di dalam modelnya 'Folk Urban Continuum' nya dan sikap mementingkan diri sendiri merupakan salah satu ciri masyarakat bandar. Akibat proses urbanisasi dan pemodenan masyarakat yang dahulunya lebih bersatupadu dan saling tolong menolong telah didedahkan kepada pengaruh bandar dan menyebabkan sikap dan pandangan mereka mulai berubah. Walau bagaimanapun pengkaji tidak dapat membuktikannya secara mutlak bahawa mereka telah bersikap individualistik tetapi unsur-unsur ke arah itu sudah banyak berlaku. Sikap mahu menunjuk-nunjukkan kelebihan diri terutamanya dalam soal pengumpulan harta menyebabkan hubungan mesra yang terjalin menjadi renggang. Orang yang berharta akan memperlihatkan ciri kesombongan dan keegoan mereka sedangkan yang miskin merasa diri mereka terasing dari masyarakat ini. Pengamalan sikap individualistik dan 'selfish' menyebabkan mereka tidak menghiraukan kejadian-kejadian yang berlaku di luar keluarga mereka, terutama ke atas keluarga jiran tetangga. Institusi gotong royong yang dahulunya menjadi tunggak perpaduan masyarakat menjadi semakin pupus dan kurang kepentingannya. Sebenarnya jika diselidik dengan teliti, institusi gotong royong ini penting untuk mewujudkan 'esprit de corp' di antara masyarakat kerana setiap orang bekerjasama menyumbang tenaga untuk melakukan sesuatu kerja. Dari sini mereka dapat berkenalan di antara sesama sendiri secara lebih dekat dan mesra lagi. Walau bagaimanapun akibat pemodenan sikap ini kurang dititiberatkan lagi.

---

<sup>28</sup> Redfield, R., The Folk Culture of Yucatan, 1941.



Walaupun sikap individualistik telah timbul dan meresap ke dalam jiwa setiap anggota masyarakat tetapi masih ada juga yang cuba untuk mengekalkan sikap 'hidup bermasyarakat'. Golongan ini masih beranggapan bahawa jiran merupakan orang penting dalam kehidupan sosial mereka. Ini dapat dilihat dalam upacara kenduri kendara, perkahwinan dan perayaan keagamaan. Untuk menjayakan setiap upacara, mereka bekerjasama melakukan kerja. Faktor ini berjaya mengekalkan kehidupan bermasyarakat oleh masyarakat kampung. Kenyataan ini menyebabkan hipotesis kedua dapat dipertikaikan kebenarannya dalam kontek masalah sikap individualistik di kampung ini. Walau bagaimanapun sikap individualistik memang sudah mulai tersemai di dalam diri setiap individu di kampung ini tetapi belum lagi mencapai ke tahap yang 'extreme' seperti masyarakat bandar. Sebagai perbandingannya pengkaji melihat sikap yang diamalkan oleh masyarakat Petronas yang kebanyakannya digolongkan sebagai masyarakat kelas menengah. Mereka ini telah mempunyai sikap 'selfish' yang lebih besar berdasarkan sikap mereka yang tidak mahu berkongsi kemudahan yang tersedia untuk mereka seperti klinik, sekolah dan kompleks sukan dengan orang-orang tempatan. Hanya setelah berlakunya bantahan dari orang-orang kampung barulah sekolah itu dibuka kepada anak-anak yang bukan kakitangan Petronas.

Sikap individualistik yang tersemai di kalangan masyarakat adalah hasil dari proses modenisasi yang dilakukan secara mendadak dan tidak seimbang dengan daya asimilasi mereka yang kebanyakannya datang dari kelas bawahan yang mempunyai taraf pendidikan formal yang rendah. Oleh itu tindakan yang mereka ambil lebih merupakan

satu peniruan dan ikut-ikutan sahaja, iaitu mereka merasakan perlu untuk mengubah cara dan gaya hidup supaya bersesuaian dengan kemajuan yang mereka sedang hadapi. Walau bagaimanapun amalan tradisi yang baik seperti amalan ziarah menziarahi dan adat istiadat perkahwinan masih diamalkan.

Perubahan sosial yang berlaku merupakan kesan nyata yang diakibatkan oleh kemasukan proses perindustrian petroleum. Eugene V. Schneider pernah mengatakan bahawa:

"Industri mempunyai kesan yang langsung dan tidak langsung. Kadang-kadang drastik terhadap institusi dalam masyarakat."<sup>29</sup>

Institusi agama turut terancam di mana anggota masyarakat sedang diresapi oleh arus pemodenan tidak lagi begitu mengambil berat tentang ceramah agama atau sembahyang berjemaah misalnya, kerana masing-masing sibuk dengan kegiatan ekonomi.

Perubahan juga berlaku di dalam aspek pekerjaan di mana ramai penduduk telah bertukar kerja dari menjalankan kegiatan tradisional menangkap ikan dan bertani kepada kegiatan dalam industri moden sebagai buruh upahan. Pertukaran pekerjaan ini disebabkan oleh kurangnya hasil tangkapan ikan akibat pembinaan benteng 'supply base' sepanjang 850 batu ke laut di mana ini menyebabkan banyak kawasan laut dijadikan kawasan larangan kerana aktiviti mencarigali petroleum dijalankan. Pertukaran bidang kerja dapat dilakukan kerana meningkatnya taraf pendidikan di

---

<sup>29</sup> Eugene V. Schneider, Industrial Sociology, Mc Graw and Hill, London, 1971.



kalangan masyarakat generasi muda. Walau bagaimanapun masih ada golongan yang masih mempertahankan kegiatan tradisional ini sebagai satu pekerjaan yang harus diwarisi tetapi telah mengubah teknik penangkapan ikan dengan menggunakan bot-bot berenjin besar yang mampu pergi ke laut dalam dan menggunakan alat penangkapan ikan yang lebih 'sophisticated', dalam menjayakan aktiviti menangkap ikan ini. Kemerosotan hasil tangkapan telah membawa implikasi negatif ke atas aktiviti tradisional penduduk kampung, contoh pupusnya aktiviti membuat makanan berasaskan ikan seperti keropok, budu, ikan kering dan lain-lain lagi.

Perubahan jenis pekerjaan secara tidak langsung telah meninggikan taraf hidup penduduk kampung. Pendapatan mereka bertambah baik dan ramai yang telah mengalami mobiliti ke atas iaitu taraf hidup menjadi bertambah baik dan telah mendorong mereka membeli barang-barang mewah hasil lebihan pendapatan yang mereka perolehi.

Daripada segi kemudahan asas seperti elektrik, air, infrastruktur dan komunikasi telah dibawa masuk dengan begitu cepat hasil pembangunan projek perindustrian dan secara tidak langsung masyarakat setempat turut sama menikmati hasil pembangunan ini. Kemudahan asas di kampung ini dilengkapkan setelah wujudnya perindustrian petroleum di Kerteh. Jika minyak tidak ditemui, kemungkinan besar Kerteh belum lagi mengalami proses urbanisasi yang begitu pesat. Akibat perkembangan dan pembangunan perindustrian telah menyebabkan Kampung Kerteh yang sunyi dari sebarang pembangunan

telah bertukar menjadi satu kawasan perusahaan berasaskan petroleum yang terbesar dan pertama di Malaysia.

Walau bagaimanapun didapati bahawa projek perindustrian ini tidak begitu menjadi kebanggaan kepada penduduk kampung yang kebanyakannya terdiri dari golongan bawahan yang tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Kebanyakan mereka yang berjawatan penting di dalam kawasan perindustrian petroleum di Kerteh ini adalah didatangkan khas daripada luar dan penduduk tempatan hanya diberi peluang bekerja sebagai buruh. Ini adalah disebabkan oleh taraf akademik dan kemahiran di kalangan penduduk tempatan yang rendah yang tidak melayakkan mereka menjawat jawatan penting dalam projek perindustrian ini. Untuk mengatasi masalah ini anak-anak tempatan patut diberikan latihan dan kursus untuk menjadi seorang buruh mahir. Terdapat sebuah Sekolah Latihan Perindustrian Petroleum di Kemaman didirikan khas untuk melatih pekerja-pekerja menjadi seorang buruh mahir dan dapat sama-sama mengecapi kemewahan hidup akibat penemuan petroleum di kawasan mereka. Latihan penting untuk melatih mereka menjadi buruh mahir supaya masa depan mereka lebih terjamin.

Sebelum membangunkan sesuatu kawasan patutlah difikirkan risiko yang timbul supaya pembangunan yang dijalankan benar-benar memberi rahmat kepada penduduk yang terlibat. Sebelum menjadikan sesuatu kawasan sebagai kawasan perindustrian, tenaga perancang ekonomi dan perancang sosial patut digembelingkan. Oleh kerana pembangunan adalah satu bentuk 'inter-disciplinary' iaitu semua



disiplin ilmu harus disatukan, perbincangan yang meluas dan terperinci harus dilakukan oleh kedua-dua tenaga fikir ini supaya dapat mengurangkan implikasi buruk dan kesan-kesan negatif hasil daripada pembangunan yang dijalankan. Penerangan yang jelas dari pihak perancang sosial harus diberikan supaya tidak timbul keraguan tentang masa depan kehidupan mereka. Adalah diharapkan rancangan-rancangan perindustrian di kawasan Kerteh bukan sahaja boleh menambahkan pendapatan negara tetapi juga akan memberi manfaat kepada penduduk yang benar-benar terlibat, kerana mereka inilah yang patut diberikan keutamaan. Adalah diharapkan juga kekayaan negara yang tidak dibolot oleh satu pihak yang mempunyai modal sahaja, sedangkan masyarakat tempatan terus hidup dengan kemiskinannya.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh Wilbert Moore<sup>30</sup> konflik adalah sebahagian daripada sistem sosial dan perbincangan tentang masalah perhubungan sosial tidak dapat dielakkan. Kekurangan 'resources' dalam bidang ekonomi, politik dan sosial merupakan faktor utama berlakunya konflik dalam masyarakat. Misalnya dalam bidang politik terdapat sekumpulan yang berkuasa dan terhadap bilangannya dan faktor ini menyebabkan berlakunya konflik dalam masyarakat. Misalnya dalam konteks masyarakat kampung ini di bidang politik terdapat satu kumpulan pemimpin yang terhadap bilangannya dalam satu kumpulan sosial yang besar. Pertentangan dan konflik akan berlaku jika ramai di antara mereka yang ingin

---

<sup>30</sup> Wilbert Moore and Smelser, The Impact of Industry, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.

merebut jawatan sebagai pemimpin tersebut. Ini menyebabkan wujudnya berbagai-bagai parti politik untuk cuba merebut jawatan yang dipertandingkan. Bukti yang jelas ialah di antara Parti \*UMNO dan Parti \*PAS.

Konflik juga berlaku akibat adanya perbezaan nilai dan kepentingan. Perbezaan nilai timbul akibat wujudnya pendapat, sikap dan kepercayaan yang berlainan yang akhirnya menimbulkan pertentangan dari segi perlakuan. Misalnya konflik yang berlaku di antara masyarakat kampung dengan kakitangan Petronas mengenai isu sekolah Petronas. Akibat dari perbezaan nilai menyebabkan kakitangan dan pentadbir Petronas mahukan sekolah ini dikhaskan untuk kepentingan anak-anak ahli sahaja.

Konflik akibat perbezaan kepentingan pula lebih tertumpu kepada aspek ekonomi, politik dan pentadbiran. Misalnya berlaku konflik di antara buruh dan majikan iaitu walaupun buruh menjalankan kerja-kerja yang berat tetapi mereka diberi ganjaran yang sedikit. Walaupun begitu segala konflik yang wujud di antara pekerja dan majikan adalah lebih berbentuk 'latern' kerana belum lagi terdapat perbuatan penentangan secara terang-terangan seperti mengadakan mogok untuk menunjukkan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap tindakan yang dilakukan oleh majikan. Ini menunjukkan bahawa konflik berbentuk 'manifest' belum pernah wujud di sini kerana

---

\* UMNO - United Malayan Nation Organization

\* PAS - Parti Islam SeMalaysia



penduduk kampung masih taat kepada pihak atasan walaupun mereka tidak berpuashati dengan apa yang diberikan oleh majikan kerana perhubungan pekerja dan majikan berlaku atas dasar 'contractual' sahaja.

Perindustrian dan pemodenan jelas memberikan kesan negatif kepada sistem kekeluargaan. Misalnya masyarakat generasi baru lebih cenderung untuk mengurangkan pertalian yang rapat dengan generasi tua. Generasi muda sibuk dengan aktiviti sosialnya, manakala generasi tua lebih banyak menghabiskan masa beramal ibadat di masjid atau surau. Keluarga 'extended' tidak lagi dipentingkan malah tanggungjawab sosial terhadap sanak saudara di luar keluarga 'nuklear' juga menjadi lemah. Peranan keluarga sebagai punca ekonomi telah hilang kerana tidak berjaya mengatasi tekanan dari ekonomi moden yang sedang dihadapi, iaitu keluarga tidak lagi menjadi satu unit pengeluaran tetapi menjadi unit pengguna. Perkara ini jelas kelihatan berlaku di kawasan kajian.

Mengikut Moore lagi, perindustrian dan pemodenan telah menyebabkan berlaku perkembangan dalam sistem perhubungan dan alat komunikasi seperti radio, televisyen, akhbar telah berjaya memecahkan pemencilan kampung dan telah berjaya menimbulkan satu set sikap dan pemikiran baru iaitu untuk bersama-sama merebut peluang yang ada dan berjaya dalam bidang akademik. Perkara ini juga jelas kelihatan berlaku di kawasan kajian dan ini menepati teori yang dikemukakan oleh Moore.

Pendapat Moore yang mengatakan bahawa dalam masyarakat industri, penglibatan seseorang dalam persatuan tertumpu di kalangan mereka yang mempunyai kedudukan yang sama. Ini jelas berlaku di kalangan masyarakat Petronas. Mereka bersatu hanya untuk kepentingan di kalangan ahli sahaja. Kedudukan yang serupa merupakan asas utama untuk meletakkan manusia di atas satu skil yang seragam. Oleh yang demikian teori Moore mengenai kesan industri iaitu 'First Order Consequences dan Reverberation' dapat dibuktikan kebenarannya melalui kajian yang dilakukan ke atas masyarakat Kerteh yang sedang pesat mengalami proses perindustrian. Daripada segi teori Ogburn yang mengatakan bahawa 'material culture' lebih pesat berubah jika dibandingkan dengan 'non-material culture' adalah benar mengikut kajian penggunaan barangan elektrik di rumah. Daripada segi budayanya, masyarakat di kampung ini masih mengamalkan adat resam tradisi yang difikirkan boleh membawa manfaat dalam kehidupan mereka.



## BIBLIOGRAFI

### BUKU-BUKU

- Allan Bullock and Oliver Stallybrass, The Fontana Dictionary of Modern Thought, Richard Clay Ltd., London, 1977.
- Agaton P. Pall and Robert A. Palson, Rural People's Responses to Change, Dumaquete Trade Area, Philippines New Day Publishers.
- Anthony D. Smith, The Concept of Social Change, Routledge and Kegan Paul, London and Boston, 1973.
- Charles Wagley and Marvin Harris, Minorities in the New World, New York, Columbia University Press, 1964.
- Cole G.D.H., Industrialism. Encyclopedia of the Social Sciences, Edwin R.A. Seligmann (ed.), Vol. 8, 1968.
- Coser Lewis A., A Function of Social Conflicts, Routledge and Kegan Paul Ltd., London and Boston, 1956.
- Davis K. Human, Human Society, The Macmillan Company, New York, 1949.
- Eugene V. Schneider, Industrial Sociology, Mc Graw and Hill, London, 1971.
- Himes, Joseph S., The Study of Sociology: An Introduction, Scott Foresman and Company, Madras, 1967.
- Hughes J.R.T., Industrialization: International Encyclopedia of Sciences, David L. Sills (ed.), Vol. 7, 1968.
- Krishan Kumar, Propensity and Progress: The Sociology of Industrial and Post-Industrial Society, Penguin Books, London, 1978.
- Leonard Reissman, The Urban Process: Cities in Industrial Societies, Glencoe Illinois, USA, 1964.
- Louis Wirth, Urbanism as a Way of Life, Paul K. Hatt and Albert J. Reiss J.R. (eds.), Cities and Society, The Revised Reader in Urban Sociology, Free Press, New York, 1957.
- Percy S. Cohen, Modern Social Theory, Heinemann Educational Books Ltd., London, 1968.

- R. Aron, 18 Lectures on Industrial Society, George Weiderfeld and Mocolson Ltd., London, 1969.
- R.M. Mc Iver dan Charles H. Page, Masyarakat Satu Analisa Permulaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970.
- Redfield Robert, The Folk Culture of Yucatan, U.S.A. 1941.
- Theodarson, Political Development and Social Change, Finkle J.L. and Gable, R.W. eds., John Wiley and Sons Inc., USA., 1971.
- W.F. Ogburn and M.F. Nimkoff, Sociology, Boston, 1946.
- Wilbert Moore and Smelser, The Impact of Industry, Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, 1971.

#### LATIHAN ILMIAH

- Hashmuddin Mohammad, Perubahan Sosial Akibat Dari Proses Perindustrian Petroleum Ke Atas Satu Komuniti Nelayan Di Teluk Mengkuang, Kemaman, Terengganu. Latihan Ilmiah (B.A.), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1981.
- Khalid Zakaria, Kesan Industri Kepada Kampung Berdekatan, Latihan Ilmiah (B.A.), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1980.
- Mohd. Pilus Aziz, Pola dan Kesan Migrasi Pekerja-Pekerja Pelantar Minyak: Satu Tinjauan Kesan Awal Perusahaan Petroleum Di Kuala Terengganu. Latihan Ilmiah (B.A.), Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979.

#### LAPORAN DAN MAJALAH

- Nada Petronas, Satu Dekad Perkembangan Petronas, Jabatan Hal Ehwal Awam, Petronas, Kuala Lumpur, 1984.
- \_\_\_\_\_, Logi Penapisan Minyak Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Awam, Petronas, Kuala Lumpur, 1983.
- Jabatan Penerangan Malaysia, Terengganu Terus Maju Ke Hadapan.